

Sinar Rohani

سینر روحانی

Rohani

Pembimbing Ummah

Bil 1/2022



❖ **PERSPEKTIF**

Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Penyatuan Ummah

❖ **GLOBAL**

Perpaduan Ummah: Realiti dan Cabaran

❖ **FIKRAH**

Keluarga Malaysia, Keluarga Sejahtera

❖ **FOKUS**

Patriotisme Teras Penyatuan Ummah

❖ **TURATH**

Adab Ikhtilaf dalam Islam

❖ **TAZKIRAH**

Bahanan Gadget, Ummah Binasa

❖ **DAKWAH**

Perpecahan dan Penyelesaiannya

❖ **SEMASA**

Fiqh Ta'yush: Panduan kita bila berbeza

“Dalam
Kemajmukan
Keluarga Malaysia
Berdasarkan
Piagam Madinah”

PERCUMA

ISSN 1511-1903



9 771511190108

Hikmah Ummah

Shamsudin Othman
Madrasah Sham al-Johori

Atas nama sejahtera
yang sarat dalam tindak budi
aku kunjung rumah damai
yang dibina di atas runtuhan khilaf
dan sejuta kesal yang merayap di lubuk sangsi.

Memasuki rumah hikmah
kutemukan tenang berkilaun iman
tidah hati dan nafas nurani
bertingkah dalam doa malam berteman dingin
syahdu yang sunyi
ratib taubat melayang ke langit
membelah resah cakerawala.

Di rumah ini,
apalah kiranya kau sudi
mendengar gemersik selawat
yang terbit dari nafas perpaduan
menyantun persona ummah
mengiring tingkah zikir
dan munajat rindu
sambil membilang manik muhasabah
yang kelam dalam gelita malam.

Seusai subuh
aku buka jendela waktu
merenung fajar di langit cinta
membuang pasrah keliru
yang meroyan dalam dendam dan iri.

Di bawah redup lembayung Islami
mari kita suburkan istiqamah
dengan nafas insaf dan sepakat diri
merapat ukhuwah menjunjung takwa.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Sidang Redaksi

PENAUNG

Datuk Hajah Hakimah
Binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)

PENASIHAT

Dato' Dr. Sirajuddin
Bin Suhaimee
(Timbalan Ketua Pengarah (Dasar))

KETUA PENGARANG

Azman Bin Mat Hassan

PENGARANG

Mohd Meftah Bin Anuar

PENOOLONG PENGARANG

Nur Madihah Binti Rakes Junaidi

PENYUNTING

Mariam Binti Othman
Mohamad Zahir Bin Abdul Halim

PENGURUS EDARAN

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan

PEMBANTU EDARAN

Husna Salsabila Binti Al'Ikhsan
Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim

REKABENTUK

Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd

Kandungan

- | | |
|-----------|---|
| 2 | SAJAK
“Hikmah Ummah” |
| 3 | SIDANG REDAKSI |
| 4 | LAMAN PENGARANG
Islam Memimpin Perpaduan |
| 6 | PERSPEKTIF
Aplikasi Maqasid Syariah dalam Penyatuan Ummah |
| 8 | GLOBAL
Perpaduan Ummah: Realiti dan Cabaran |
| 12 | FIKRAH
Keluarga Malaysia, Keluarga Sejahtera |
| 14 | FOKUS
Patriotisme Teras Perpaduan Ummah |
| 16 | TURATH
Pengurusan Ikhtilaf dalam Islam |
| 20 | TAKZIRAH
Bahana Gadget, Ummah Binasa |
| 22 | DAKWAH
Perpecahan dan Penyelesaiannya |
| 24 | ANEKDOT
Mata Lebah vs Mata Lalat |
| 26 | SEMASA
Fiqh Ta'ayush: Panduan Bila Kita Berbeza |
| 29 | INFO
Pengajaran dari Palestin |
| 32 | MIMBAR
Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah |
| 36 | INSPIRASI
Kasih Sayang Bermula di Masjid |



Ustaz Mohd Meftah Anuar

Persaudaraan Tunjang Perpaduan Nasional

Persaudaraan adalah nikmat yang amat berharga kurniaan Allah SWT kepada umat Islam. Islam memandang seluruh umat manusia itu adalah sama, tiada yang lebih mulia dari yang lain, kecuali ketaqwaan mereka kepada Allah SWT. Firman Allah SWT, dalam Surah Al-Hujurat Ayat 13:

Yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah jadi kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, bukan yang lebih keturunan atau bangsanya. Sesungguhnya Allah lebih Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuannya akan keadaan dan amalan kamu”.

Jelaslah bahawa segala bangsa yang melata di seluruh dunia ini adalah berasal dari keturunan yang sama iaitu Adam dan Hawa. Perbezaan warna kulit, bahasa dan tempat bukanlah halangannya saling kenal mengenal bagi memupuk persaudaraan sebagai asas persaudaraan ummah.

Sesungguhnya hubungan silaturrahim itu amat penting kerana tiada seorang pun boleh hidup sendirian, tetapi saling memerlukan antara satu sama lain. Kerana itu agama Islam memerintahkan umatnya supaya umatnya membina hubungan silaturrahim sesama kaum kerabat, sahabat handai, jiran tetangga, teman sekerja mahupun masyarakat sekeliling. Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya:

“Dari Abi Musa dari Nabi SAW, Baginda bersabda: Orang mukmin terhadap orang mukmin yang lainnya, tidak ubah bagaikan sebuah bangunan yang bahagian-bahagian menguatkan satu sama lain”. (Riwayat al Bukhari)

Yang sebenarnya, persaudaraan itu merupakan sendi dan tunjang kekuatan perpaduan nasional walaupun negara kita terdiri dari masyarakat berbilang kaum dan agama, namun tidak mustahil keharmonian dan kasih sayang dapat dibina apabila setiap individu masyarakat mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing. Kerana itu ikatan persaudaraan perlu dijaga dan dipelihara agar terus berpanjangan dan tetap dinikmati, hidup subur dan berterusan hingga ke akhir hayat. Ke arah menjadikannya kenyataan, Islam telah menggariskan beberapa syarat, antaranya ialah: Persaudaraan itu hendaklah dibina atas dasar ikhlas semata-mata kerana Allah SWT berasaskan iman dan taqwa, berlandaskan syariat Islam dan diamalkan secara konsisten baik dikala senang maupun dikala susah.

Inilah rahsia yang menghasilkan perpaduan dalam persaudaraan, kerana orang yang beriman akan melaksanakan suruhan Allah SWT atas dasar keikhlasan yang akan menjadikan mereka orang yang berakhlik luhur dan mulia. Ia akan sentiasa berusaha menyuburkan ukhuwah Islamiah itu dengan ikatan kasih sayang dan sanggup berkorban, baik berkorban harta, masa, tenaga atau fikiran. Jika perkara ini diamalkan oleh semua orang perpaduan dapat dicapai, kehidupan menjadi aman, negara bertambah maju dan kukuh serta selamat dari sebarang ancaman atau pengaruh anasir yang tidak baik.

Hasil kewujudan ukhuwah Islamiah itu dapat dirasakan dan dinikmati bila mana sifat ingin bantu- membantu dan memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukannya bersemarak ke dalam jiwa dan turut merasa senang jika saudara-saudara kita memperolehi nikmat dan kebahagiaan, jauh sekali merasa dengki dan khianat.

Rasulullah SAW banyak memberikan panduan dan nasihat kepada umatnya bagaimana cara mengeratkan hubungan silaturrahim tersebut, antaranya sebagaimana sabda Baginda SAW dari hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari Ibnu Umar RA, ia berkata: Baginda Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Bahawa seorang Muslim itu menjadi saudara seorang Muslim lainnya, kerana itu tidak diperbolehkan seorang Muslim itu menganiaya saudara Muslim yang lainnya. Juga tidak boleh seorang Muslim itu menghina saudara Muslim lainnya. Dan barang siapa memberikan per tolongan yakni memenuhi hajat keperluan saudaranya, maka Allah SWT pun memenuhi dan menyelesaikan segala keperluan hajatnya dan barang siapa yang memberikan kemudahan atau memberikan kelapangan bagi kesusahan seorang Muslim, nescaya Allah melapangkan kesusahannya di hari kiamat”.



Sebaik-baik Sahabat dan Jiran

**خَيْرُ الْأَصْحَابِ عِنْدَ اللَّهِ خَيْرُهُمْ لِصَاحِبِيهِ
وَخَيْرُ الْجِيْرَانِ عِنْدَ اللَّهِ خَيْرُهُمْ لِجَارِيهِ**

“Sebaik-baik sahabat di sisi Allah adalah yang paling baik terhadap temannya. Dan sebaik-baik jiran di sisi Allah adalah yang paling baik terhadap jirannya.”

[HR at-Tirmizi]

Inilah rahsia orang-orang Islam yang menjadikan ikatan persaudaraan itu sebagai benteng perpaduan ummah. Kerana umat yang bersatu padu, yang saling bertolong-tolongan dan bantu membantu termasuk membimbang dan memberi petunjuk untuk melakukan kebaikan dan menolak kejahanan, serta saling berkasih-kasihan akan membentuk satu pertahanan atau benteng yang sangat kuat dan kukuh dan sukar untuk dipecah belahkan. Kerana itulah juga Rasulullah SAW menjadikan kaum Ansar dan Muhajirin adalah bersaudara. Dengan ikatan muhibah tersebut, akhirnya segala usaha dan rancangan mengembangkan Islam menjadi kuat dan berjaya kerana mendapat sokongan dan dukungan pengikut-pengikut Baginda Rasulullah SAW yang sentiasa bersatu hati.

Kita perlu ingat bahawa umat yang berpecah belah, tiada perpaduan, tiada silaturrahim menyebabkan tiada kekuatan. Menjadi umat yang lemah dan rapuh. Contoh yang boleh menjadi iktibar terlalu banyak. Kita lihat negeri yang tidak bersatu, suka berpecah belah, negaranya tidak aman dan harmoni, sebaliknya menghadapi berbagai-bagai masalah yang merugikan diri sendiri. Bukanakah Allah SWT telah memberikan peringatan dengan firman-Nya:

Yang bermaksud:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah SWT (agama Islam) dan jangan lah kamu bercerai berai”.

Akhirnya, marilah kita sama-sama meningkatkan, menjaga dan memelihara tali persaudaraan kita, jangan sampai putus dan musnah. Binalah dengan asas keimanan dan kekuatan. Berdoalah kepada Allah SWT semoga tali persaudaraan kita tetap kukuh untuk selam lamanya. Mudah-mudahan dengan demikian kita dapat membina keamanan dan kebahagiaan dalam kehidupan kita ini. Amin Ya rabb al alamin. Saya tutup dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat, Ayat 10 untuk renungan kita bersama,

Yang bermaksud:

“Bahawasanya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah diantara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertaqwalah kepada Allah SWT supaya kamu beroleh rahmat”.

Petang hari pergi ke pekan,
Pulang membawa sebungkus laksa,
Hidup bersaudara tunjang perpaduan,
Di negara Malaysia berbilang bangsa.

Aplikasi Siasah Syar'iyyah

Dalam Kemajmukan Keluarga Malaysia
Berdasarkan Piagam Madinah



Nor Shaidayani binti Samah
Bahagian Maqasid Syariah, JAKIM

PENDAHULUAN

Konsep Siasah Syar'iyyah merupakan suatu proses menguruskan sebuah kehidupan yang melibatkan kerajaan dan rakyat¹ bagi mencapai *maqasid Syari'ah* dengan penjagaan lima kepentingan fitrah kemanusiaan, iaitu; penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Membicarakan tentang pengaplikasian *Siasah Syar'iyyah* dalam Kemajmukan keluarga Malaysia, ia sudah pasti berkait rapat dengan kefahaman konsep negara dan kenegaraan (*fiqh al-muwātonah*), kefahaman konsep hidup bersama (*fiqh al-ta'āyush*), dan kefahaman konsep tentang interaksi dan komunikasi (*fiqh al-ta'āmul*). Ketiga-tiga konsep tersebut perlu diamalkan dengan berpaduan piagam Madinah secara bertautan dan inklusif.

KEFAHAMAN KONSEP NEGARA KENEGARAAN

Kefahaman tentang negara dan kewarganegaraan (*fiqh al-muwātonah*) menjelaskan bahawa sekelompok manusia yang hidup dalam sesebuah negara yang mempunyai hubungan, hak dan tanggungjawab bersama antara penduduk walaupun berbilang agama, keturunan, bangsa dan bahasa². Realitinya, di Malaysia *fiqh al-muwātonah* adalah bersifat makro dan umum dengan mengambil kira unsur-unsur sempadan geografi dan kewarganegaraan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Keharmonian dan perpaduan dalam kemajmukan rakyat Malaysia adalah bersendikan semangat rukun negara dan cintakan tanah air. Penyerapan nilai-nilai Piagam Madinah dalam kemajmukan keluarga Malaysia dapat di nyatakan seperti berikut:

1. Tidak mengganggu/ menjaga kesejahteraan orang lain.

Islam menggalakkan umatnya sentiasa menjaga keharmonian dan menjaga kelangsungan kesejahteraan dalam memaknai sebuah kehidupan dalam sesebuah negara. Umat Islam berhak berperanan menjadi pemimpin (*khalifah*) dan contoh tauladan kepada umat manusia sejagat tanpa mengira batasan agama, bangsa dan kaum dalam memartabatkan kebaikan dan menidakkann ketegangan di bumi Malaysia.

2. Hindari kezaliman dan membantu orang yang dizalimi

Ketua atau pimpinan negara yang adil adalah bertindak dengan meletakkan sesuatu perkara betul pada tempatnya. Kewajaran seorang pemimpin mempunyai agenda dan strategi bagi mengelak sebarang kezaliman yang berlaku dalam negara dan warganya demi mencapai kestabilan dan kejayaan dalam kehidupan di dunia dan

di akhirat. Negara yang tenang dan aman adalah manifestasi dari rakyatnya bersatu padu dan saling bantu membantu dalam perkara-perkara kebaikan dan bahu membahu dalam menentang kezaliman.

3. Memastikan kebenaran maklumat

Keamanan dan kesentosaan terletak kepada warganegara yang sentiasa berhati-hati dalam menerima sebarang maklumat. Maklumat atau berita yang benar dan jelas dapat membina ketamadunan negara ke arah kecemerlangan dan kewibawaan. Sikap ini juga bagi mengelak ancaman para musuh dan memastikan kestabilan dan keharmonian rakyat tercapai.

4. Hindari buruk sangka dan menutup keaiban

Kestabilan negara adalah bermula dari sifat baik sangka warganya dalam mengurus hal ehwal kehidupan. Bibit-bibit perpecahan dan buruk sangka hendaklah dihapuskan di peringkat awal lagi. Pelantikan pemimpin di pelbagai peringkat bermula dari institusi keluarga, kampung, bandar, negeri dan negara adalah bagi mencapai kesempurnaan kebahagiaan dan keamanan.

KEFAHAMAN KONSEP HIDUP BERSAMA

Kefahaman tentang hidup bersama atau *Fiqh al-Ta'ayush* dalam memelihara kestabilan sistem kehidupan serta memelihara kelangsungan kemakmuran alam manusia dengan harmoni tanpa mengira bangsa, agama dan kaum³. Konsep hidup bersama dalam kemajmukan keluarga Malaysia terikat dengan kontrak sosial yang telah dibina sejak setengah abad tahun dahulu. Hubungan persefahaman antara pelbagai kaum mewujudkan suasana kesatuan dan mementingkan keamanan dan kesejahteraan. Penyerapan nilai-nilai Piagam Madinah dalam meneruskan kehidupan bersama di bumi Malaysia adalah berdasarkan nilai-nilai berikut:

1. Berakhhlak mulia

Nilai kemuliaan akhlak adalah manifestasi dari amalan budi bagi setiap individu yang membentuk peribadi masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan budaya. Amalan tingkah laku yang mulia dapat merapatkan hubungan antara satu sama lain dan bersama-sama memastikan kesatuan dan perpaduan terbina dalam semangat muhibah.

2. Saling menghargai

Nilai saling menghargai dalam kehidupan berkomuniti yang terdiri dari pelbagai kaum, bangsa dan budaya amatlah digalakkan dalam Islam. Nilaian ini dapat menghasilkan komuniti yang saling hormat menghormati, bertoleransi dan harmoni serta ampuh dalam mendepani cabaran kehidupan secara bersama. Mereka akan menghargai dan mengambil peluang bagi membina masyarakat yang sempurna dengan kepelbagaiannya yang ada.

3. Tolong menolong

Adab dan adat menerusi pepatah ‘yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing diterjemahkan bagi meneruskan kehidupan bersama dalam kemajmukan keluarga Malaysia. Tolong menolong telah sinonim dengan budaya hidup keluarga Malaysia dan semangat tersebut hendaklah dipupuk untuk kelangsungan generasi akan datang.

4. Menutup keburukan

Kebersamaan dalam kehidupan menuntut setiap individu dalam komuniti mengembangkan nilai-nilai kebaikan dan menutup

¹ Bharudin Che Pa, et al. Perlaksanaan Siyāsah Syarīyyah Dalam Pentadbiran Di Malaysia, Jurnal Al-Tamaddun Bil. 5 (2010) 57-72

² Dr. Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh Muwatonah Negara & Kenegaraan di Bawah Suluhan Usul Aqidah dan Maqasid Syariah*, Ahlamuna Publication, hal. 19

³ Mohd Herzali bin Muhammad Haled, (2021) Aplikasi Dialog Kehidupan dalam Konteks Al-Ta'ayush di Malaysia: Rujukan Kepada ayat 13 Surah al-Hujurat, Jurnal Darul Quran Bil 25, Hal. 160.

sifat-sifat yang cenderung kepada keburukan. Keadaan ini bagi memastikan kelestarian, keharmonian dan kesejahteraan dapat diteruskan dalam kepelbagai budaya dan agama.

5. Memudahkan dan mengembirakan

Secara fitrahnya manusia sukaan kepada perkara-perkara yang mudah dan menggembirakan. Setiap ahli keluarga Malaysia hendaklah beriltizam untuk memudahkan urusan kehidupan antara satu sama lain supaya sama-sama dapat menikmati kehidupan dengan penuh kegembiraan dan kesetosaan.

KEFAHAMAN KONSEP INTERAKSI

Kefahaman tentang konsep interaksi atau *Fiqh al-Ta’āmul* antara penduduk sesebuah negara dalam memelihara kestabilan di peringkat komuniti dan individu tanpa mengira batasan agama, bangsa, kaum dan bahasa. Interaksi dan komunikasi dalam masyarakat majmuk di Malaysia terikat dengan nilai-nilai murni yang telah diamalkan dan diwarisi sejak zaman berzaman. Pemangkin kepada pembentukan dan pengembangan nilai-nilai tersebut diikat oleh institusi pendidikan yang bermula dari peringkat kanak-kanak sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Penyerapan nilai-nilai yang terkandung dalam Piagam Madinah ialah seperti berikut:

1. Lemah lembut dan bertenang

Interaksi secara lemah lembut dan bertenang merupakan fitrah manusia yang sukaan kedamaian dan kesetosaan. Gaya interaksi ini dapat menjadikan sesuatu perkara yang rumit menjadi tenang dan menyelesaikan sesuatu masalah berpandukan kewarasan minda yang cergas. Islam menggalakkan umatnya mengamalkan sifat-sifat tersebut supaya kehidupan keluarga Malaysia menjadi lebih erat dan muhibah.

2. Suka memberi maaf dan bertolak ansur

Sikap memberi maaf dan bertolak ansur merupakan nilai yang mulia serta perlu diperlakukan dalam kehidupan keluarga Malaysia. Lontaran maaf yang diucapkan oleh seseorang kepada orang lain disusuli dengan sikap bertolak ansur menimbulkan perhubungan yang kondusif dalam pergaulan seharian. Kedua-dua sikap ini dapat memberi sentuhan jiwa yang mendalam kepada individu yang mengamalkannya.

3. Berkasih sayang dan prihatin

Interaksi dalam keadaan berkasih sayang merupakan komunikasi dalam yang memberi sentuhan jiwa sehingga dapat melahirkan individu yang prihatin. Implikasinya besar dalam membina semangat dan motivasi kepada jiwa-jiwa yang mengalami masalah dan kemurungan. Tambahan pula, kehidupan yang harmoni menuntut rakyatnya hidup berkasih sayang dan sentiasa prihatin antara satu sama lain. Kedua-dua sifat ini perlu diteruskan dalam masyarakat kerana ia dapat memberi kebaikan kepada kehidupan sosial keluarga Malaysia.

4. Peramah dan mudah didekati

Rakyat Malaysia terkenal sebagai individu sosial yang peramah dan mudah didekati. Mereka lahir dalam kepelbagaiannya bahasa dan budaya serta mewarisi ketinggian nilai dan budi nenek moyang terdahulu. Sifat-sifat ini dapat mewujudkan komunikasi lisan (verbal) dalam kehidupan semasa rakyat Malaysia.

PARAMETER APLIKASI SIASAH SYAR’IYAH

Parameter aplikasi Siyasah Syar’iyah dalam kemajmukan Keluarga Malaysia perlu berteraskan kepada parameter yang tertentu, iaitu:

1. Tidak berkompromi berkaitan akidah umat Islam

Hubungan keluarga Malaysia hendaklah berlaku dalam sempadan sosial dan kehidupan rakyat Malaysia tanpa menganggu gugat keimanan, kepatuhan dan pengamalan umat Islam kepada rukun Iman dan rukun Islam yang telah ditetapkan.

2. Tidak melibatkan hukum yang telah tetap (*qat’ie*) dalam Perundangan Islam

Pengamalan dan pembudayaan ketiga-tiga konsep kefahaman tersebut hendaklah berlaku kepada perkara-perkara yang tidak melibatkan hukum atau perundangan yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan as-Sunnah.

3. Limitasi berinteraksi hanya kepada perkara-perkara kebaikan sahaja

Hubungan sesama keluarga Malaysia hendaklah terbatas kepada perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan sahaja. Perkara ini merupakan fitrah setiap insan yang sukaan kepada kebaikan.

4. Tiada kompromi kepada perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudarat dan kerosakan

Semua warga Malaysia hendaklah bersatu hati untuk tidak berkompromi atau bertolak ansur kepada perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudarat atau kebinasaan dengan mengelak babit-babit persengketaan dan perpecahan bermula di peringkat individu sehingga pimpinan negara.

KESIMPULAN

Aplikasi siasah syar’iyah dalam kemajmukan keluarga Malaysia dapat dirangkum dalam surah Al-Hujurat, Ayat 13:

Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّةٍ وَأَنْشَأَنَا وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ
لِتَعَاوَنُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنَّكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ

Maksudnya:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).⁴

(QS Al-Hujurat 49: 13)

Menerusi ayat tersebut Allah SWT mengingatkan bahawa tujuan penciptaan manusia di bumi ini adalah untuk berkenal-kenalan di antara satu sama lain dalam kepelbagaiannya rumpun yang berbeza tanpa mengira jantina, bangsa dan keturunan. Kemudian Allah SWT menegaskan dan meletak parameter yang jelas iaitu sebaik-baik manusia adalah orang yang paling baik dan bertaqwa kepada-Nya.

⁴ Abdullah bin Muhammad Basmeh. 1983. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu’. Darul Fikir Sdn Bhs Selangor.

Perpaduan Ummah: Realiti dan Cabaran



Dr Muhamad Zuhaili bin Saiman

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam



Perpaduan Ummah Bermula Dengan Menyatukan Kaum Dominan

Realiti di Malaysia bahawa lebih 20 juta penganut Islam di Malaysia. Ini merupakan bilangan majoriti yang teras kepada kekuatan dan kestabilan sesebuah negara. Menjaga hak majoriti dibenarkan seligamia ia tidak bercanggah dengan syarak. Dengan dominasi penganut Islam kalangan kaum melayu di negara Malaysia ialah meliputi lebih 69 peratus berbanding kaum lain menunjukkan perpaduan ummah kalangan umat Islam adalah tonggak kepada kestabilan dan keamanan negara sekaligus mewujudkan perpaduan nasional yang melibatkan kalangan masyarakat majmuk dari kepelbagaian kaum.

Perpaduan dengan menjaga hak majoriti ini bukannya bermaksud taasub perkauman atau rasis. Namun ia memelihara kestabilan bilangan menerusi bilangan majoriti yang ada kerana ia merupakan suara yang besar lagi dominan. Rasulullah SAW menunjukkan teladan dalam sesuatu suatu teladan menjaga kesatuan menerusi pemilihan pandangan majoriti dalam mesyuarat yang dilakukan dengan tidak bercanggah terhadap majoriti sesuatu keputusan yang dipilih.

Dalam satu hadith, Baginda SAW bersabda kepada Abu Bakar As-Siddiq dan Umar Bin Al-Khattab:

لَوْ اجْتَمَعْتُمَا فِي مَشْوَرَةٍ مَا حَالَفْتُكُمَا

Maksudnya: “Sekiranya kamu berdua bersepakat dalam satu pandangan, maka aku tidak akan bertentangan dengan kamu.” - Riwayat Ahmad.

Hadith ini menjadi dalil bahawa Nabi SAW memperakui akan suara majoriti. Malah terdapat lagi dalil lain seperti Baginda SAW berpegang teguh pada keputusan majoriti apabila kebanyakkan sahabat bersetuju untuk berperang di luar kota Madinah dalam peperangan Uhud.

Walaupun pada asalnya Baginda SAW lebih berpandangan berada di dalam kota Madinah. Namun apabila majoriti memilih keputusan berperang di luar Madinah, lihat sikap Baginda SAW menerusi hadith dari Jabir Bin Abdullah bahawa Baginda SAW bersabda:

لِيْسَ لِنَبِيٍّ إِذَا لَبِسَ لَأْمَتَهُ أَنْ يَضْعَهَا حَقٌّ يُقَاتِلُ

Maksudnya: “Tidak ada bagi seorang Nabi apabila ia telah menyarung baju besi (baju perang) untuk ditanggalkan sehingga ia berperang.”

Riwayat An-Nasa'i

AGAMA ISLAM SEBAGAI PASAK PERPADUAN UMMAH

Kestabilan politik ini mesti diletakkan terasnya ialah Islam kerana peruntukan dalam Perlembagaan pada Perkara 3(1) ialah Islam agama Persekutuan. Islam menjadi identiti negara sekalipun terdapat perbahasan bahawa peruntukan tidak menyebut secara zahir “agama Islam”, namun hanya menyebut “agama Persekutuan”. Sungguhpun begitu, agama Islam di negara Malaysia masih mempunyai kedudukan yang tinggi dan kekuatan yang utama di negara Malaysia merujuk kepada:

1. Islam menjadi identiti negara.
2. Yang Di-Pertuan Agong merupakan ketua negara.
3. Mengelakkan sejarah melayu yang sinonim dengan tafsiran seseorang yang menganut Islam menerusi Perlembagaan.
4. Raja-raja negeri menjadi ketua agama di negeri masing-masing yang ditadbir.
5. Islam masih bersifat dominan kerana ia disebut secara khusus.

Perpaduan yang kukuh hanyalah dengan tali agama Allah. Inilah yang diperintahkan oleh Allah menerusi firman-Nya:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نِعْمَتُ
 اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَالَّذِي بَيْنَ قُلُوبِكُمْ
 فَاصْبِحُتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَوْنَا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ
 فَانْقَذَنَا مِنْهَا كَذِيلَكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ عَالِيَّهُ لَعَلَّكُمْ
 تَهْتَدُونَ

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenangkan nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat

Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa Jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah, Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.” - [Surah Ali Imran: 103]

Ibn Khaldun dalam membawakan teori perpaduan sesebuah negara menggariskan 5 eleman penting iaitu:

1. Al-Ukhwwah atau persaudaraan.
2. An-Nubuwah atau seruan kebenaran iaitu matlamat kepada persaudaraan diikat.
3. Al-Muluk iaitu kekuasaan yang termaktub dan terpelihara.
4. Al Asabiyah yang bermaksud pendominasian kekuasaan.
5. Al Ma'unah iaitu solidariti yang dibentuk mendapat pertolongan dari Allah.

Justeru, perpaduan ummah yang hendak dibentuk menerusi langkah menyatupadukan kalangan umat melayu Islam dengan berpaksikan kepentingan Islam dan semangat persaudaraan yang jelas. Jika wujud kepentingan selain itu dengan agenda sembunyi tersendiri maka kesatuan akan goyah dan perpaduan ummah tidak dapat direalisasikan.

Dalam konteks politik di negara Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, langkah awal untuk mewujudkan perpaduan ummah ialah dengan menyatupadukan parti-parti politik melayu-Islam agar dapat duduk semeja berbincang dan bersepakat ke atas perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal Islam, sensitiviti ummah dan kepentingan negara. Bagi membina peradaban negara bangsa di Malaysia ini, imej melayu tidak boleh bersendirian namun mesti diikat kemas dengan nilai Islam. Ini kerana jika melayu sahaja tanpa Islam, maka tidak ke mana. Penerimaan kita kepada melayu kerana aspek urusnya melayu itu difahami kaum yang beragama Islam. Begitu juga tafsiran melayu dalam Perlembagaan yang mengaitkan seseorang yang menganut Islam. Justeru, umat melayu Islam mesti bersatu atas kepentingan Islam. Kerjasama dan perpaduan yang dibentuk mesti dengan pasak Islam, tanpa boleh dipisahkan. Perbincangan politik yang kritis juga hanya mampu diselesaikan dengan meletakkan kepentingan Islam di hadapan.

Selama mana perpecahan parti politik melayu Islam dan juga penganut Islam berlaku secara berterusan maka negara akan lemah dan negara tidak akan stabil kerana mudah “diganyang” oleh musuh luar yang mendatang. Perpaduan kalangan umat melayu Islam ini mesti dibentuk dari peringkat bawah sehingga peringkat atasan kalangan pimpinan parti politik. Sistem demokrasi berparlimen perlu dimanfaatkan dengan baik dengannya disalah erti sehingga mengakibatkan perpecahan kerana kerakusan dalam persaingan perebutan kuasa. Sistem demokrasi berparlimen adalah medan sebagai:



1. Bukti kelayakan pimpinan tersebut berpengaruh menerusi undian majoriti dimiliki menerusi pengundi yang disahkan layak mengundi menurut syarat perundangan.
2. Menjadi medan semak dan imbang (*check and balance*) dalam konteks nasihat menasihati dan berkolaborasi idea mendapatkan solusi buat kesejahteraan negara dan manfaat rakyat.

PERPADUAN UMMAH ADALAH REALISTIK DALAM MASYARAKAT

Majmuk Perpaduan ummah dalam membentuk kesatuan umat Islam tidaklah bermaksud meminggirkan penganut bukan beragama Islam apatah lagi negara Malaysia merupakan negara yang berbilang kaum yang dikenali sebagai masyarakat majmuk. Malah, teladan menerusi negara Islam Madinah menyaksikan bagaimana tindakan awal Rasulullah SAW dalam menyatukan sahabat di kalangan Muhajirin dan Ansar serta mendamaikan kaum Aus dan Khazraj agar mewujudkan:

1. Kekuatan ummah Islam
2. Kestabilan politik
3. Keamanan sejagat umum

Dalam masa yang sama, negara Islam Madinah mengiktiraf peranan penganut bukan Islam seligamana mereka mematuhi Piagam Madinah dan tidak memerangi dengan Islam. Semua penganut bukan Islam layak diberikan hak kemanusiaan, kemasyarakatan dan kewarganegaraan dalam sesebuah negara yang diduduki. Ia ditunjukkan oleh Baginda SAW dalam piagam Madinah yang dibahagikan kepada dua. 23 fasal mengenai hak dan tanggungjawab orang Islam manakala 24 fasal mengenai hak dan tanggungjawab penganut bukan Islam.

Perpaduan kalangan kaum di Malaysia yang terdiri dari masyarakat majmuk telah diletakkan batu asas, iaitu toleransi terhadap penganut selain Islam untuk mereka mengamalkan apa yang menjadi kepercayaan agama

mereka masing-masing. Bertepatan dengan dakwah Islam, bahawa penganut selain Islam tidak dipaksa memasuki Islam. Mereka ada ruang untuk mengamalkan kepercayaan yang ada menerusi agama yang dianuti.

Batasan pengamalan mereka adalah dengan tidak menyebarkan kepercayaan mereka kepada umat Islam. Malah hampir semua negeri menggezekkan kesalahan penyebaran kefahaman agama selain Islam kepada penganut Islam sama ada menerusi lisan maupun tulisan. Batasan ini adalah bagi memastikan Islam agama Persekutuan tidak diganggu serta menghormati sejarah kedudukan Islam di kalangan umat Islam di negara ini sejak sebelum merdeka lagi. Maka bersesuaian batasan ini dalam toleransi yang diberikan kepada penganut selain Islam.

Asas kepada peranan dan kedudukan agama dalam perpaduan ummah dalam masyarakat majmuk di Malaysia adalah jelas iaitu:

1. Islam adalah identiti agama Persekutuan yang mesti dihormati.
2. Toleransi terhadap penganut selain Islam mengamalkan kepercayaan masing-masing.
3. Batasan penganut agama selain Islam hanya untuk diri mereka bukan pada sebaran terhadap penganut Islam.

SOLUSI KEPADA CABARAN PERPADUAN UMMAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Slogan kita dalam mewujudkan Perpaduan Ummah dalam masyarakat majmuk ialah kesatuan dalam kepelbagai (unity in diversity). Namun dalam masa yang sama kepelbagai itu sendiri berpotensi besar mencabar perpaduan khususnya apabila tidak



berjaya mengurus perbezaan yang lahir dari kepelbagaiannya. Sedangkan kepelbagaiannya tujuannya adalah untuk variasi agar lebih meriah dan saling mengambil serta memberi manfaat antara satu sama lain sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surah Al-Hujurat, Ayat 13.

Kepelbagaiannya ini mesti diikat dengan satu ikatan yang mampu mengikat kesemua pihak yang pelbagai. Untuk perpaduan ummah kalangan pengikut Islam mestilah dengan:

1. Paksi agama Islam.
2. Ikatan persaudaraan.
3. Mendahulukan al-Quran dan as-Sunnah.
4. Kepentingan Islam adalah keutamaan bersama.

Seterusnya dalam konteks masyarakat majmuk dalam negara Malaysia, mesti ditekankan penghayatan dan pengamalananya agar usaha mencapai perpaduan dicapai walau dalam keadaan yang pelbagai menerusi:

1. Rukun negara.
2. Kontrak sosial 1947.
3. Menghormati hak istimewa Melayu dan kaum Bumiputera yang termaktub dalam Perlembagaan.
4. Jati diri sebagai rakyat Malaysia.

Selain itu, dalam mewujudkan perpaduan ummah, medium dialog dan bertukar-tukar pandangan adalah sangat penting. Malah ia merupakan medium utama menjadi pra-syarat persefahaman kepada perpaduan ummah yang hendak dibentuk. Kegagalan menyuburkan medium dialog akan merencatkan hala tuju perpaduan ummah. Agama Islam hakikatnya menyeru umat Islam memperbanyak dialog sama ada dalam konteks dakwah keagamaan atau aspek keharmonian sosial antaranya:

- i. Dialog bersama masyarakat musyrikin Mekah bagi menjawab tuduhan serta kekeliruan yang ditimbulkan oleh musyrikin Mekah terhadap al-Quran. Surah al-Baqarah Ayat 23.
- ii. Dialog bersama Ahli Kitab dalam mengajak kepada persamaan yang boleh disepakati. Surah Ali Imran Ayat 64.
- iii. Dialog bersama kabilah kaum kerabat pada permulaan dakwah secara terang-terang di atas Bukit Safa.

Pentingnya dialog ini ialah secara tidak langsung mendidik semua pihak dan masyarakat agar segala tindak tanduk dan persefahaman yang dibina ialah menerusi elemen intelektual. Emosi akan berubah dan semua orang mempunyai emosi yang susah untuk disamakan. Namun emosi boleh disatupadukan menerusi intelektual. Pembangunan moral insan juga tercapai dengan intelektual. Kemajuan hidup juga diterajui oleh intelektual. Bukanlah emosi tidak penting, namun emosi tidak boleh dijadikan sebagai penentu dalam persefahaman. Pepatah melayu ada menyatakan: “*ikut hati mati, ikut rasa binasa*”.

Di sinilah nilai utama dalam dialog. Mengetepikan emosi peribadi demi persefahaman menerusi intelektual bagi keharmonian dan kesejahteraan umum. Soal tidak berpuas hati, pasti akan berlaku. Persoalannya sampai bila semua manusia akan berpuas hati? Hanya mendahului intelektual dapat mengatasi soal berkaitan emosi namun terserah kepada individu yang terlibat dalam dialog yang diadakan.

10 PAGI



Keluarga Malaysia: Keluarga Sejahtera



YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Bila disebut ‘keluarga’, nilai-nilai seperti pengorbanan, kepercayaan, kasih sayang dan keamanan pasti mengisi maksud dibalik perkataan ‘keluarga’ ini. Aspirasi ‘Keluarga Malaysia’ yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri, membawa satu harapan yang besar buat kita semua. Aspirasi ini digagaskan supaya kita semua dapat bersinergi sebagai ahli ‘Keluarga Malaysia’, bersama-sama membantu memulihkan negara agar kita dapat bangkit semula bagi menjadikan negara ini lebih sejahtera, maju, diberkati dan berpendapatan tinggi.

Tidak dinafikan dalam adat berkeluarga, pasti ada konflik yang berjaya diatasi dibalik keharmonian yang dikecapi. Berada di kedudukan ke-23 berbanding ke-16 pada tahun 2020, negara paling aman di dunia, berdasarkan laporan Indeks Keamanan Global (GPI) 2021, membuktikan wujudnya pasang surut terhadap hubungan sosial antara masyarakat majmuk di negara ini.¹ Keharmonian hubungan sosial sering tergugat apabila ada pihak-pihak yang menyentuh hak keistimewaan Melayu, kedudukan Islam sebagai agama rasmi serta hak kesamarataan antara kaum, agama dan gender.²

Kejayaan Rasulullah SAW sebagai negarawan yang ulung, tidak lain adalah supaya kita dapat mencontohi corak kepimpinan Baginda dalam mengurus tadbir masyarakat majmuk. Strategi yang dilakukan oleh Baginda dalam mengekalkan kemakmuran dan keharmonian negara telah memberi inspirasi kepada para ilmuan untuk mengkaji corak kepimpinan dan kehidupan

Baginda dengan lebih mendalam sehingga tercetuslah disiplin-disiplin ilmu yang baru seperti Maqasid Syariah dan *Fiqh Ta’ Ayush*.

Aspirasi ‘Keluarga Malaysia, Keluarga Sejahtera’ yang akan dibawa ini, lebih menarik jika kita melihatnya dari perspektif Maqasid Syariah. Konsep ini diperkenalkan sebagai panduan, supaya kita dapat bersama-sama merealisasikan aspirasi ini dengan berteraskan syarak. Maqasid syariah ini merupakan satu disiplin ilmu yang dikembangkan oleh para ulama, untuk kita memahami tujuan sesuatu pensyiaran itu diturunkan.³ Ringkasnya, maqasid syariah ini adalah satu bentuk dasar dan polisi dalam agama.⁴ Manakala elemen utama dalam Maqasid Syariah adalah bagi mencapai maslahah (kebaikan) dan mencegah mafsadah (keburukan)⁵

Sedar atau tidak, semasa proses membuat keputusan, konsep Maqasid Syariah ini telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang. Ianya sangat membantu bagi menetapkan hala tuju sesuatu tindakan bagi menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta melalui peringkat *dharuriyyat* (perkara yang sangat penting, tanpanya akan berlaku kemusnahan), diikuti hajiyah (perkara yang penting bagi memberikan keringanan dan menghilangkan kesempitan) seterusnya tahnisiyyah (perkara yang elok, wajar dan menjadi pelengkap).⁶

¹ (Mohammad Naqib Hamdan et al., 2018, m/s 391)
² (Mohammad Nidzam Abdul Kadir 2019, m/s 6)

³ (Mohd Anuar et al., 2018, m/s 7)
⁴ (Nor Safina Zainal, 2021, m/s 7)

⁵ (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2020, m/s 4)
⁶ (Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2019, m/s 4)



Aplikasi Maqasid Syariah ini dapat kita lihat melalui amalan pemakaian pelitup muka di negara kita. Sebelum negara dilanda wabak COVID-19, pemakaian pelitup muka merupakan perkara *tahsinyyat*, dimana majoritinya dipakai oleh golongan pengamal perubatan. Akan tetapi, atas dasar untuk menjaga nyawa dan keturunan, kerajaan telah mewajibkan pemakaiannya kepada seluruh rakyat, dimana ianya telah berubah menjadi perkara *dharuriyyat* semasa kita mengharungi fasa pandemik tersebut sehingga sekarang.

Bagi merealisasikan aspirasi ini yang mempunyai nilai-nilai seperti keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran, kita mesti mempunyai satu model pentadbiran yang boleh dicontohi dan terbukti berjaya membina masyarakat majmuk yang bertoleransi sehingga masyarakatnya dapat hidup aman damai. Setelah diteliti, diantara gagasan yang digunakan adalah gagasan *Fiqh Ta' Ayush* yang merupakan satu bahagian fiqh yang mengkaji mengenai hukum-hakam berkaitan dengan interaksi sosial yang melibatkan manusia berbilang jantina, bangsa, agama dan negara untuk membangunkan kehidupan bersama secara harmoni.⁷

Sejak zaman Rasulullah lagi, gagasan *Fiqh Ta' Ayush, peaceful coexistence* atau kehidupan bersama secara aman damai antara masyarakat yang berbilang kaum dan agama telah mula diperaktikkan. Konsep ini agak lewat diperkenalkan oleh masyarakat bukan Islam, iaitu mula diperkenalkan oleh kerajaan Soviet, semasa dalam rangka untuk memupuk kerjasama

antara Blok Timur (negara yang bersekutu dengan Soviet) dan Blok Barat yang diketuai oleh Amerika pada tahun 1945.⁸ *Fiqh Ta' Ayush* yang diaplikasikan oleh Rasulullah dan sahabat mempunyai 4 ciri utama iaitu sama rata, keadilan, berlapang dada dan kebebasan beragama.

Justeru, bagi memastikan aspirasi ini menjadi kenyataan, dengan amanah yang diberikan kepada saya selaku Menteri Hal Ehwal Agama, saya telah menggariskan 5 inisiatif MANTAP iaitu pemantapan dari segi mental, jasmani dan rohani, pemantapan sistem pendidikan islam, pemantapan institusi kekeluargaan, sosial dan komuniti Islam, pemantapan institusi masjid dan surau, serta pemantapan sosio-ekonomi ummah sebagai hala tuju hal ehwal Islam.

Dengan izin Allah Yang Maha Esa, kita yakin dan percaya bahawa pemahaman yang mendalam dan holistik terhadap aplikasi Maqasid Syariah dan *Fiqh Ta' Ayush* perlu dimulakan oleh semua pihak bermula dengan diri sendiri, ahli keluarga, kejiranan, anggota masyarakat dan seterusnya barulah kita dapat membina sebuah negara yang diberkati, aman dan makmur serta rakyatnya dapat hidup bertoleransi, saling menjaga sensitiviti dan tidak menimbulkan provokasi antara satu sama lain.

⁷ (Mohammad Naqib Hamdan et al., 2018, m/s 395)

⁸ (ibid, m/s 397)

Patriotisme Teras Penyatuan Ummah



Dato' Prof. Haji Mahamad Naser bin Disa
Profesor Industri Fakulti Undang-undang &
Hubungan Antara Bangsa, UNISZA.

MUQADDIMAH

Pada era globalisasi dan informasi di hujung jari kini perpaduan dan kesatuan pemikiran umat Islam secara menyeluruh amat sukar untuk dicapai. Namun ia tidaklah mustahil untuk dicapai sekiranya keghairahan berpolitik rakyat Malaysia dapat diredakan dan semangat patriotisme dapat dimantapkan berteraskan kefahaman dan penghayatan Rukun Negara sebagaimana yang telah dititahkan berulang kali oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung pada tahun 2019 dan 2020 serta ditegaskan pula oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2020 sempena ulang tahun ke-50 Pengisytiharan Rukun Negara.

Patriotisme yang sering dikaitkan hanya dengan perasaan cintakan negara sebenarnya lebih komprehensif dan mantap pembernihannya jika disemai berteraskan prinsip-prinsip mulia Rukun Negara. Walaupun Rukun Negara bukan sebahagian dari Perlembagaan atau undang-undang namun ia adalah teras penghayatan Perlembagaan dan Undang-undang Negara. Justeru, memahami dan menghayati 5 prinsip Rukun Negara mampu menyemai benih Patriotisme yang mantap dan membentuk kesatuan pemikiran di kalangan umat Islam bagi mengeratkan jalinan ukhuwah Perpaduan Ummah. Ada baiknya jika 5 prinsip Rukun Negara itu difahami dan dihayati berdasarkan 20 Tonggak AMAL Penghayatan Rukun Negara.

PENDEKATAN A.M.A.L PENGHAYATAN RUKUN NEGARA.

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
Aqidah Negara Sumpah Rabbani;
Memelihara Islam Baiah Hifzuddeen;
ASWJ kita pegangi ;
Laungan Azan, Merdeka Abideen

Perlu difahami bahawa Prinsip Kepercayaan kepada Tuhan ini bukanlah baru tersemat di hati sanubari penduduk Tanah Melayu. Transformasi pemikiran dan kepercayaan ini tercetus sebaik Parameswara Sultan Melaka memeluk Islam berteraskan KEIMANAN. Ia diikuti dengan pembentukan peradaban Melayu/



Islam yang terhebat di Nusantara, juga adalah atas dasar KEIMANAN.

Menentang ancaman Majapahit, Siam, Portugis, Belanda, Inggeris Jepun dan Komunis adalah atas dasar KEIMANAN. Terbentuknya tiga buah negeri besar di Tanah Melayu iaitu Johor, Perak dan Pahang adalah atas dasar KEIMANAN yang meneruskan perjuangan mempertahankan aqidah Islam dan menentang penjajahan Barat. Jika dilihat di negeri-negeri sebelah utara pula, Raja-raja dan rakyat Kedah berjuang atas semangat jihad mempertahankan Kesultanan Kedah dari ancaman Siam, Burma hingga ditipu oleh British dan kehilangan Pulau Pinang. Tidak hairanlah undang-undang tertinggi Negara, Perlembagaan Persekutuan mewajibkan Pemerintah Tertinggi Negara iaitu Baginda Yang DiPertuan Agung untuk melafazkan Sumpah Rabbani dengan melafazkan komitmen dengan lafadz suci *wallahi, wabillahi, watallah*. Ini membuktikan bahawa aqidah Negara ini adalah mentauhidkan Allah S.W.T. Malah di dalam sumpah Baginda itu pula mesti diikrarkan... "Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguh dan dengan sebenarnya memeliharaan pada setiap masa Agama Islam..." yang merupakan Agama Negara atau Deenud Dawlah menurut Perkara 3(1) Perlembagaan Negara sejak terbentuknya Persekutuan Tanah Mealyu lagi. Inilah dia teras kepada Negara Malaysia iaitu Sumpah Rabbani dan Bai'ah Hifzuddeen.

KESETIAAN KEPADA RAJA & NEGARA
Anugerah MERDEKA kurniaan ILAHI,
Mujahadah Panglima Raja bermaruah,
Angkatan pejuang disanjung tinggi,
Langkah bijak elak terjajah.

Ahli-ahli politik dan seluruh rakyat perlu sedar dan insaf akan perjuangan dan pengorbanan besar raja-raja dan pahlawan Melayu yang bertarung nyawa sejak tahun 1511 berjuang menentang ancaman penjajahan Portugis, Belanda, British, Siam dan Komunis hingga terbentuknya Negara Persekutuan Malaysia pada 1963. Perjuangan untuk memelihara keimanan yang berlarutan selama 450 tahun inilah yang membentuk prinsip-prinsip Rukun Negara yang dicetuskan secara tersusun pada tahun 1970. Di Kedah contohnya, antara pahlawan-pahlawan yang gugur syahid menentang Siam dan British adalah Tengku Kudin, Tengku Mohamad Saad dan ramai lagi. Di Melaka, Raja Ali Haji, malah ramai lagi putera-putera raja dari Selangor, dari Negeri Sembilan, dari Pahang hatta dari Aceh yang terlibat mempertahankan kedaulatan negeri-negeri Melayu dari penjajahan Barat dan komunis. Justeru dalam Kanun Keseksian (Penal Code) terdapat Bab VI yang menjadikan suatu kesalahan besar iaitu kesalahan penderhakaan jika sesiapa bertekad atau beraspirasi untuk menghapus Kedaulatan Yang Di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja-Raja Melayu.

KELUHURAN PERLEMBAGAAN
Amati bersama Asas Kedaulatan,
Mantap kefahaman teguh keluhuran,
Agama Dijunjung Hakis ancaman,
Lengkap Keadilan Negara dan Watan.

Sikap tidak setia atau tiada ketataan kepada Raja dan Negara menurut Perlembagaan Persekutuan adalah suatu bentuk pemikiran subversif yang penularannya perlu disekat dengan undang-undang yang tegas. Semua pihak perlu diingatkan supaya kembali menghayati prinsip-prinsip murni Rukun Negara yang telah berjaya menjadi panduan kepada kita untuk menikmati kesejahteraan bersama sejak berdekad lamanya. Baginda YDPA telah diwajibkan oleh Perlembagaan untuk bersumpah dengan nama suci Allah (sumpah rabbani) – untuk sentiasa berlaku adil dalam pemerintahan, memelihara kedaulatan undang-undang menurut Perlembagaan dan juga memelihara kedaulatan Agama Islam pada setiap masa, maka amatlah tidak wajar jika ada mana-mana pemimpin, ahli politik atau mana-mana pihak yang menghina agama Islam atau mengambil pendekatan *Islam Bashing* dalam kegiatan atau pemikiran politik mereka.

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
Amar Maaruf Nahi Munkar,
Megah tersemat Kanun Dan Syariat,
Adil dan Hikmah tetap Segar,
Lambai Sejahtera teras masyarakat.

Undang-undang dalam sesebuah negara adalah bertujuan untuk memelihara kesejahteraan manusia secara keseluruhannya, memelihara keamanan negara dan persekitarannya, mempertahankannya dari dicerobohi musuh. Undang-undang turut memberikan hak yang sepaututnya kepada manusia dengan menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran bagi memastikan tertegaknya kemaslahatan (as-solihat) dan terhakinya keburukan (fasaad). Inilah tujuan atau matlamat pengubalan undang-undang dalam sesebuah negara dan

sekiranya ia selaras dengan panduan al-Quran dan as-Sunnah, maka rahmat keamanan dan kesejahteraan bakal melimpah ruah.

Penelitian yang dilakukan oleh Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) mendapati sekurang-kurangnya terserlah 12 helah kenapa usaha-usaha untuk memartabatkan kedaulatan undang-undang Syariah di Malaysia seringkali mendapat penentangan termasuk dari kalangan umat Islam sendiri. Setelah diteliti secara menyeluruh, didapati helah atau dalihan ini menjadi cabaran utama kepada penguatkuasaan undang-undang Syariah yang sedang berkuatkuasa pada hari ini. Antara helah yang utama adalah:

1. KEKALKAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA SEKULAR DENGAN ISLAM SEKADAR AGAMA “RASMI” SEMATA-MATA; MEMARTABATKAN PERUNDANGAN SYARIAH DAN MAHKAMAH SYARIAH AKAN MEMANTAPKAN KEDAULATAN ISLAM SEBAGAI “AGAMA NEGARA”.
2. BIARKAN UMAT ISLAM DAN RAKYAT KESELURUHANNYA TERUS TERKELIRU KONONNYA MALAYSIA ADALAH NEGARA SEKULAR; MEREKA MENDAKWA KONONNYA TIADA ASAS BAGI KEWUJUDAN PERUNDANGAN SYARIAH DAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM PERLEMBAGAAN (UNCONSTITUTIONAL).

KESOPANAN & KESUSILAAN
Adat Melayu bersendikan agama,
Masyhur serata teguh peribadi,
Angkuh dan sompong punca angkara,
Luhur budi hormat menghormati.

Penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara perlu diterapkan kepada segenap lapisan masyarakat. Jika ia hanya bermain di bibir pemimpin politik sahaja, ia bakal menjadi retorik yang tidak dapat dipraktikkan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara, justeru seluruh agensi kerajaan perlu merangka langkah-langkah strategik untuk memastikan penghayatan Rukun Negara dapat dimantapkan menerusi peranan dan fungsi agensi kerajaan. Antara kementerian yang menggalas kewajipan yang utama adalah JPM, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan Tinggi serta JAKIM. Generasi muda kita amat perlu dihiasi dengan prinsip Kesopanan dan Kesusilaan. Aspek utama yang mungkin boleh dipertimbangkan adalah menyemai sikap-sikap positif dan adab susila seperti sikap hormat-menghormati yang semakin terhakis dalam masyarakat kita. Jika SIKAP HORMAT dan BERADAB ini dapat disemai sejak dari zaman kanak-kanak lagi, Insya Allah kita tidak akan terbelenggu dengan berbagai krisis gejala sosial yang menular pada hari ini. Malah kita tidak akan dihidangkan dengan pertelingkahan mulut yang amat menjengkelkan sebagaimana yang dapat kita tonton di kaca televisyen setiap kali berlangsungnya persidangan Dewan Rakyat. Justeru sudah tiba masanya untuk seluruh rakyat di negara ini kembali menghayati prinsip RUKUN NEGARA yang berteraskan kepada KETUHANAN, KESETIAAN, KELUHURAN, KEDAULATAN dan KESUSILAAN. Jadikanlah ia sebagai prinsip kenegaraan yang difahami dan dihayati oleh seluruh warganegara atau mana-mana pihak yang berada di Negara ini bagi memantapkan semangat patriotik dan memupuk perpaduan ummah.

Pengurusan Ikhtilaf Dalam Islam



Prof. Madya Dr. Abdul Ghafar Bin Don
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia. a.g.don@ukm.edu.my

PENDAHULUAN

Islam datang sebagai satu sistem kepercayaan yang mengandungi aspek *mawdu'* (kandungan ajaran) dan *manhaj* (pendekatan). Kedua-dua aspek ini penting dalam memastikan kehidupan manusia berada dalam landasan yang betul dan benar. Aspek ajaran yang terdiri daripada akidah, ibadat, akhlak yang memandu keseluruhan kegiatan hidup manusia bertujuan membina kehidupan yang sempurna. Aspek *manhaj* atau pendekatan bertujuan agar kandungan dalam ajaran Islam dapat disampaikan dengan kaedah yang betul supaya ianya berkesan dan boleh difahami manusia seterusnya menjauhkan fitnah terhadap kemurniaan ajaran Islam. Adab ikhtilaf boleh dikategorikan sebagai sebahagian aspek pendekatan dalam ajaran Islam. Ia bertujuan membina keharmonian dalam kehidupan masyarakat. Kefahaman dan penghayatan yang betul terhadap konsep dan adab ikhtilaf akan mengurangkan konflik dalam perhubungan antara sesama manusia.

KONSEP IKHTILAF

Konsep ikhtilaf mempunyai asas dan dalil yang jelas daripada al-Qur'an. Kecenderungan manusia untuk berikhtilaf misalnya telah dinyatakan dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 213:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحُقْقِ
 لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُواهُ مِنْ بَعْدِ مَا
 جَاءَتْهُمُ الْبِيِّنَاتُ بَعْدًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحُقْقِ يَإِذْنِهِ
 وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya:

"Manusia itu adalah umat yang satu. (setelah timbul perselisihan), maka Allah mengutus para nabi, sebagai pemberi peringatan, dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab yang benar, untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. Tidaklah berselisih tentang Kitab itu melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka Kitab, iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, kerana dengki antara mereka sendiri. Maka Allah memberi petunjuk orang-orang yang beriman kepada kebenaran tentang hal yang mereka perselisihkan itu dengan kehendak-Nya. Dan Allah selalu memberi petunjuk orang yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus".

Berdasarkan ayat ini, dapat difahami bahawa sifat manusia itu memang suka berselisih atau berikhtilaf kerana pelbagai faktor dan kecenderungan. Ayat ini juga menjelaskan bahawa Allah mengutuskan para Nabi dan Rasul serta kitab yang mengandungi panduan dan bagi mengatasi perselelisihan yang berlaku di antara manusia.

Ayat lain yang menjelaskan tentang konsep *ikhtilaf* ini ialah firman Allah:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكُفُرُ بِنَ�يِتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya:

Sesungguhnya agama (yang diredhai) disisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang telah diberi Al Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, kerana kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barangsiapa yang kafir terhadap ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah sangat cepat hisab-Nya. (Al-Qur'an, Surah Ali 'Imran:19)

Bagaimanapun oleh kerana faktor nafsu, mempunyai kepentingan diri dan sifat dengki, perselisihan tetap berlaku di antara manusia meskipun telah ada panduan dan ajaran dari kitab sebagaimana dinyatakan dalam Surah Ali Imran Ayat 19¹.

KEADAH MENGURUS IKHTILAF

Dalam tradisi keilmuan Islam, para ulamak telah menunjukkan teladan bagaimana perselisihan pendapat dalam sesuatu perkara telah tidak membawa kepada perpecahan dan benci membenci. Mereka telah berupaya mengurus ikhtilaf dengan baik melalui sikap berlapang dada (*insyirah as-sadr*) dan saling menghormati. Sekiranya ditelusuri kelahiran dan pertumbuhan mazhab fekah, didapati para ulamak mazhab yang empat misalnya: Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam As-Shafie dan Imam Ahmad Ibnu Hambal, masing-masing menghormati pandangan antara satu sama lain. Tidak ada dalam kalangan mereka yang menyatakan bahawa ijтиhad mereka paling betul. Imam Syafie dalam satu ungkapan yang monumental pernah berkata “Setiap orang harus bermazhab kepada Rasulullah dan mengikutnya. Apapun pendapat yang aku katakan atau sesuatu yang aku katakan itu berasal dari Rasulullah SAW tetapi ternyata berlawanan dengan pendapatku, apa yang disabdakan Rasulullah SAW itulah yang menjadi pendapatku,” (Muhammad Nashiruddin Al-Albani 2000: 57). Begitu juga Imam Ahmad Ibnu Hambal pernah menegaskan: “janganlah tuan-tuan mengambil dari kami tetapi ambillah dari sumber tempat kami mengambilnya iaitu al-Quran dan Hadis yang sahih (Imam Ahmad Hanbal)

Dalam kisah yang lain diceritakan ketika Imam Shafie dan Imam Malik yang saling berkunjung ke rumah masing-masing. Imam Syafi'i ketika diminta menjadi imam solat subuh telah tidak membaca doa qunut sedangkan dalam ijтиhad beliau ia adalah sunat ab'ad. Tindakan sedemikian dilakukan sebagai menghormati imam Malik yang mana pada pandangan Maliki tidak ada doa qunut di dalam solat subuh. Begitulah yang berlaku sebaliknya ketika imam Malik diminta menjadi imam solat subuh ketika menginap di rumah Imam Shafie, telah membaca doa qunut sebagai menghormati pandangan dan amalan Imam Shafie berkaitan doa qunut.

Imam Al-Suyuti pernah di dalam kitab *Jazil Al-Mawahib Fi Ikhtilaf Al-Madhahib* mengungkapkan: “Perbezaan mazhab di dalam agama ini, merupakan satu nikmat yang besar dan kelebihan yang agung. Ia mempunyai rahsia yang halus, yang hanya diketahui oleh para ulama dan tidak diketahui oleh orang-orang yang jahil. Saya sendiri pernah mendengar sesetengah orang jahil menyatakan: Nabi SAW membawa satu syariat sahaja, daripada mana pula datangnya mazhab empat? Antara yang pelik juga ialah orang yang melebihkan sebahagian mazhab ke atas sebahagian mazhab yang lain dengan merendah-rendah dan menjatuhkan mazhab yang menjadi mangsa, malah kadang-kadang membawa kepada permusuhan dalam kalangan orang-orang yang bodoh dan timbul semangat asabiyah dan jahiliyah. Para ulama sebenarnya membebaskan diri dari semua itu. Perselisihan pendapat berlaku di kalangan generasi salaf terdahulu di dalam perkara cabang, namun tidak pernah *dinaqalkan* adanya dalam kalangan mereka yang memusuhi orang lain dan tidak pula *dinaqalkan* adanya dari kalangan mereka, menyandarkan kekurangan kepadanya. Dengan itu, diketahui perbezaan mazhab yang berlaku dalam umat ini, merupakan satu kelebihan khusus dan juga satu kluasan di dalam syariat yang bersifat toleransi lagi mudah.”

Berdasarkan amalan ulamak silam tentang ikhtilaf, dapatlah disimpulkan bahawa perselisihan yang berlaku dalam kalangan mereka tidaklah membawa kepada perpecahan atau iftiraq. Situasi ini didorong oleh beberapa faktor berikut:

1. Keilmuan tinggi yang dimiliki para ulamak silam telah menjadi *benteng* kepada mereka dalam mengelakkan berlakunya perpecahan. Ini telah membendung sifat fanatik kepada pandangan sendiri
2. Para ulamak silam telah menunjukkan toleransi yang tinggi dan sikap berlapang dada dalam berikhtilaf
3. Keikhlasan dalam berdakwah dan memperjuangkan agama

¹ Rujuk juga ayat lain yang memberi isyarat tentang konsep *ikhtilaf*, iaitu Surah al-Nahl, ayat 64 dan Surah Hud ayat 118-119.



Sikap para ulamak silam dalam menghadapi ikhtilaf wajar dijadikan panduan kepada generasi kini khususnya para ilmuan agamawan agar menghormati pandangan di antara satu sama lain dan tidak merendah-rendahkan pihak yang tidak dipersetujui. Lebih buruk media sosial menjadi medan atau platform sesetengah agamawan memperlecehkan agamawan yang lain dengan bahasa yang kesat, kasar dan tidak beradab sehingga tidak melambangkan akhlak mulia sebagai orang yang mempunyai ilmu agama. Ikhtilaf sepatutnya boleh diurus agar tidak membawa kepada *iftiraq* dengan masing-masing mengikhaskan diri dan memperjuangkan agenda agama dan membuang ego dan rasa superior dalam diri.

Basri (2010) dan Rumaizuddin (2017) memetik pandangan Dr Yusuf Al-Qaradawi yang telah menggariskan sepuluh prinsip asas dalam menguruskan perbezaan pendapat, iaitu:

1. Perbezaan masalah cabang atau *furu'* adalah rahmat. Perbezaan dalam masalah *furu'* hendaklah diterima sebagai suatu rahmat dan kemestian. Ia disebabkan faktor tabie' agama itu sendiri yang mengandungi hukum-hakam *qatiyy*, *zanniyy*, *muhkamat*, *mutashabihat* dan lain-lain lagi. Tabie' manusia yang berbeza, pemahaman dan pendekatan berbeza, pertuturan dan persekitaran berbeza – semuanya menyumbang kepada perbezaan antara ulamak dalam masalah ijtihadiyyah dan menyemarakkan pengajian fiqh sehinggalah lahirnya imam-imam mazhab seperti Syafie, Hanafi, Hambali dan Maliki.
2. Mengikuti manhaj pertengahan dan meninggalkan sikap berlebihan dalam agama. Manhaj, kaedah dan jalan pertengahan yang dianjurkan Islam adalah mengarah keseimbangan dan keadilan. Manhaj ini menyangkal sikap kecuaian atau keterlaluan dalam amalan beragama.
3. Menumpukan kepada ayat yang jelas pengertiannya dan meninggalkan ayat yang mengandungi kesamaran. Perselisihan sering ditimbulkan apabila berlaku salah tafsiran dalam sesuatu perkara. Justeru bagi mengelakkan perkara ini berlaku para *da'i* dan gerakan dakwah haruslah berpegang kepada ayat-ayat yang jelas pengertiannya (*Muhkamat*) keran ia telah disepakati oleh para ulamak. Manakala ayat-ayat kesamaran (*Mutashabihat*) dijadikan sebagai prinsip berfikir sambil diperteguh dengan ayat-ayat muhkamat.
4. Mengelakkan membuat kata putus dan tegahan dalam masalah ijtihadiyyah.
5. Menelaah perbezaan pendapat para ulamak.
6. Membatasi pengertian dan istilah.
7. Menggarap masalah-masalah besar yang dihadapi ummah.
8. Bekerjasama dalam masalah yang disepakati.
9. Bertoleransi dalam masalah yang diperselisihkan.
10. Menahan diri dari orang yang mengucap dua kalimah syahadah.

Apapun, setiap pihak hendaklah kembali kepada asas yang telah digariskan al-Qur'an sebagai panduan dalam menangani dan mengurus perbezaan pendapat atau ikhtilaf sebagaimana firman Allah dalam Surah An-Nisa', Ayat 59 yang bermaksud:

“Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) di dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (as-Sunnah jika kamu benar beriman kepada Allah dan juga hari Akhirat.”

Ayat ini telah meletakkan asas yang jelas dalam situasi mengawal dan mengurus ikhtilaf, iaitu dengan mendahului al-Qur'an dan as-Sunnah berbanding pendapat dan pandangan sendiri. Kunci kejayaan para ulamak silam dalam mengurus ikhtilaf ialah dengan mendahului al-Qur'an dan as-Sunnah berbanding ijтиhad sendiri sebagaimana dibuktikan imam al-Shafie dan Imam Ahmad Ibnu Hanbal.

KESIMPULAN

Perbezaan pandangan atau ikhtilaf adalah sinonim dengan kehidupan manusia. Namun demikian, ikhtilaf ini tidak seharusnya mendorong kepada perpecahan. Perbezaan pendapat tidak boleh dinafikan berlaku dalam kehidupan manusia. Bagaimanapun, ia perlu lah diuruskan dengan baik dan berhikmah agar tidak menimbulkan perpecahan ummah. Keilmuan, ikhlas, tawadu', sifat ihtiram, kesantunan adalah antara faktor-faktor yang boleh mengawal ikhtilaf daripada membara yang membawa kepada perpecahan.

RUJUKAN

Basri Ibrahim. 2010. Perbezaan Pendapat Dalam Perkara Cabang Fiqh: Analisis Terhadap Pandangan Al-Qaradawi. *Jurnal Syariah*, 18(1): 191-228.

Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2017. Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam Menurut Taha Jabir Al-Alwani (1935-2016). *Journal of Fatwa Management and Research*, (9):1-25.

Jalal al-Din al-Suyuti.t.t. *Jazil al-Mawahib Fi Ikhtilaf al-Madhahib*, Tahqiq Ibrahim Bajis 'Abd al-Majid. Beirut: Al-Maktab al-Islami.

Muhammad Nashruddin al-Albani,2000. Sifat Shalat Nabi Shallallahu'alaihi wa Sallam. Terjemahan Muhammad Thalib. Media Hidayah. Yogyakarta



Dalam era moden ini, yang turut dikenali dengan era IR4.0, perkembangan teknologi memang diakui berkembang dengan sangat pesat. Bermacam-macam ciptaan dan inovasi yang dilakukan dalam penciptaan alat-alat moden untuk kegunaan manusia. Salah satunya adalah gajet-gajet telekomunikasi, atau lebih tepatnya adalah telefon pintar.

Manusia perlu bersedia untuk berdepan dengan perubahan ini. Kita bergerak daripada zaman analog kepada zaman digital. Segalanya adalah bersifat digital dan bergantung kepada internet. Inilah yang dinamakan sebagai *internet of things*, yakni segala-galanya memerlukan internet.

Ia bersifat pantas, maklumat dihujung jari dan boleh menjimatkan banyak perkara terutama dalam mencari atau menyebarkan maklumat. Perkara ini sudah tentulah dibantu dengan kewujudan gajet ataupun alatan pintar, termasuklah telefon pintar yang saya sebutkan di atas.

Gajet seperti telefon pintar ini mempunyai banyak manfaat yang boleh digunakan oleh manusia. Dalam sebuah gajet itu terdapat bermacam-macam aplikasi yang boleh membantu kita melaksanakan pelbagai tugas dalam waktu yang terhad.

Bersama dengan gajet itu juga, terdapat aplikasi-aplikasi media sosial yang boleh menghubungkan kita ke serata dunia tanpa perlu bersuara, bertemu secara fizikal dan sebagainya. Semuanya boleh dilakukan dalam alam maya.

Sebahagian kita juga ada yang menggunakan gajet ini untuk melaksanakan aktiviti dakwah. Ada yang menggunakan facebook, twitter, Instagram dan juga aplikasi baru yang lain seperti TikTok untuk kegunaan dakwah mereka.

Namun begitu, disebalik manfaat yang besar ini, kita juga perlu berhati-hati supaya tidak silap langkah dalam mengendalikan gajet. Setiap kita diperingkat individu maupun berkumpulan, mempunyai tanggungjawab untuk mengendalikan gajet dengan baik. Ini terutamanya bagi yang telah berkeluarga dan mempunyai anak-anak.

Di antara kesan yang boleh berlaku apabila ia tidak dikendalikan dengan baik ialah wujudnya gejala menyendirি. Ini sedikit sebanyak boleh membawa kepada budaya tidak pedulisme kepada persekitaran dalam kalangan dewasa maupun anak-anak.

Bayangkan ada yang membawa ahli keluarga ke restoran untuk makan, namun ketika berada di meja makan sambil menunggu pesanan sampai, mereka semuanya bermain telefon. Ini sering terjadi dan yang menginsafkan saya apabila melihat di depan mata saya sendiri baru-baru ini di sebuah restoran di Bandar Sri Damansara. Seorang ayah dan ibu bersama tiga anak mereka masing-masing asyik bermain gajet masing-masing.

Apabila ini terjadi, kesannya adalah ke atas jangka masa panjang di mana terdapat kelemahan dalam komunikasi secara

Bahana Gajet Ummah Binasa



Prof. Dr. Mohd Roslan Mohd Nor
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



bersemuka berlaku. Mereka tidak bercakap di antara satu sama lain. Barangkali, untuk bertanya sesuatu pon mereka menggunakan gajet, walaupun kedudukan mereka pada jarak yang sangat dekat.

Penggunaan gajet tanpa kawalan ini juga akan membawa kepada ketagihan terhadap alat-alat tersebut. Ini tidak baik kerana kita akan kehilangan masa yang boleh dimanfaatkan kepada aktiviti-aktiviti lain.

Bagi anak-anak, ketagihan gajet ini boleh menyebabkan kemampuan mereka berfikir akan menjadi kurang. Ia tidak bagus untuk perkembangan kognitif kanak-kanak yang memerlukan ransangan untuk berfikir dan bertindak.

Penggunaan gajet perlu dikawal bagi mengelakkan kebinasaan kepada generasi akan datang. Kesedaran dalam kalangan masyarakat mestilah dipertingkatkan. Biarlah kita memberi teguran, agar mereka tidak hanyut dalam lautan yang tidak bertepi di alam maya.

Kita sememangnya tidak boleh menghalang secara total penggunaan gajet ini. Tetapi, gunakanlah kepada perkara-perkara yang boleh memberi manfaat. Misalnya kegunaan gajet untuk pendidikan, perubatan, pencarian maklumat, penyebaran dakwah serta untuk manfaat yang boleh dilihat. Janganlahjadikan gajet sebagai alat yang boleh membunuh bangsa.

Ketika dunia menghadapi ancaman Covid-19 ini, penggunaan gajet amat penting. Sehingga anak-anak yang masih kecil juga menggunakan untuk menjalani pendidikan dan pembelajaran dari rumah. Jika mereka tidak menggunakan gajet, kemungkinan besar mereka akan tercincir dalam pembelajaran.

Pun begitu, apa yang harus kita lakukan adalah kawalan terhadap penggunaannya. Jangan biarkan gajet digunakan tanpa kawalan. Bagi anak-anak, ini sangat penting untuk memastikan perkembangan yang sihat. Jangan biarkan mereka terdedah

dengan gajet ini terlalu lama. Ibubapa mesti memastikan ianya diberi dan diambil semula selepas digunakan.

Dalam sesebuah keluarga, pastikan kita mempunyai masa untuk berinteraksi bersama, tanpa menggunakan gajet. Kita boleh tetapkan umpannya waktu bebas gajet, seperti pada waktu makan atau pada waktu tertentu yang dipersetujui bagi mewujudkan masa berkualiti dengan ahli keluarga.

Manakala bagi golongan dewasa, perlu juga ada batasan waktu dalam penggunaan gajet. Jangan sampai kita tidak mempunyai hubungan sosial atau menjadi anti sosial. Kita tidak mahu hanya pandai berborak di alam maya, tetapi tidak pandai membawa diri apabila berada di dalam masyarakat. Begitu juga, kita harus mematuhi etika dan menjaga soal hukum hakam ketika melayari alam maya yang tidak mempunyai sempadan.

Jika kita leka dan terlalu bebas dalam menggunakan gajet ini, saya bimbang suatu hari nanti kita mempunyai generasi yang tidak peka terhadap persekitaran, tidak berhubung dengan masyarakat di luar, menjadi anti-sosial dan tidak peka terhadap dunia sebenar. Jika ini terjadi, ia akan menjadi bahana kepada kita dan ummah akan binasa.

Ingatlah Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Jangan kamu jatuhkan dirimu ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri...”

Surah Al-Baqarah, Ayat 195.

Oleh itu, kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan segala kecanggihan teknologi yang ada akan dapat memberi manfaat kepada ummah dan bukannya membawa kepada kebinasaan. Gunakanlah gajet dengan penuh tanggungjawab.



Perpecahan dan Penyelesaiannya



Bakri bin Amboala
Bahagian Dakwah

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعُتُمْ فِي شَيْءٍ إِرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada 'Ulil-Amri' (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasulnya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

(An-Nisa: 59)

Perpecahan sesama umat Islam berlaku di mana-mana sahaja sehingga mereka sanggup berbunuhan sesama sendiri hanya kerana perbezaan pendapat atau aliran. Kononnya perpecahan tidak dapat dielakkan kerana sepanjang sejarah kita selalu berpecah. Di samping menggunakan hujah dan menunjukkan dalil-dalil al-Quran dan hadis untuk mempertahankan perpecahan yang terjadi, apakah boleh kita katakan bahawa perpecahan yang berlaku sesama umat Islam itu sebagai satu takdir?

Perpecahan bukan harus diterima begitu sahaja tetapi harus diselesaikan dengan melakukan muhasabah perilaku kita

sendiri. Ketika Nabi menyebut bahawa di antara umatnya ada yang taat dan ada yang melakukan maksiat. Ini bererti Nabi sedang menunjukkan masih ada jalan penyelesaian terbaik bagi dua kumpulan yang bersengketa. Terpulanglah kepada sikap kita sendiri sama ada ingin meneruskan sengketa ataupun mencari jalan damai. Jika jalan damai yang kita pilih, hubungan persaudaraan akan bertaut kembali dengan lebih kukuh.

Realiti akhir zaman menggambarkan kepada kita bahawa ia adalah zaman perpecahan umat Islam. Realiti ini pernah disebut oleh Nabi Muhammad SAW dalam banyak hadisnya.

Antaranya ialah hadis riwayat Imam Ahmad :

عَنْ أَنَسِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقُتْ عَلَى إِحْدَى وَسَبْعِينَ فَرِيقَةً فَهَلَكَتْ سَبْعُونَ فَرِيقَةً وَخَلَصَتْ فَرِيقَةً وَاحِدَةً وَإِنَّ أُمَّتِي سَتَفَرَقُ عَلَى اثْتَيْنِ وَسَبْعِينَ فَرِيقَةً وَتَخَلَّصَ فَرِيقَةً قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ مِنْ تِلْكُ الْفَرِيقَةِ قَالَ الْجَمَاعَةُ الْجَمَاعَةُ رَوَاهُ أَحْمَدُ

"Dari Anas bin Malik berkata, Rasulullah S.A.W bersabda: "Sungguh Bani Israil telah terpecah menjadi tujuh puluh satu kelompok, kemudian tujuh puluh kelompok di antaranya binasa, dan satu kelompok yang selamat, dan sungguh umatku akan terpecah menjadi tujuh puluh dua kelompok, hanya satu kelompok yang selamat." mereka berkata : wahai Rasulullah SAW, siapa kelompok (yang selamat) tersebut?, beliau menjawab: "(yang berpegang teguh pada) jama'ah jama'ah."

(HR. Ahmad)

Ini sebagai isyarat menunjukkan bahawa umat Islam itu sedang berpecah. Masing-masing tidak merujuk pesanan Allah di dalam al-Quran di dalam ayat⁵⁹ Surah An-Nisa yang dinyatakan tadi yang menceritakan tentang bagaimana menguruskan perselisihan atau konflik. Iaitu perlu kembali kepada al-Quran dan Hadis. Bukannya kembali kepada emosi, sentimen perkauman dan ketaksuhan, ini kerana sentimen itu akan menyemarakkan lagi perpecahan di kalangan umat.

Ada banyak huraian yang menceritakan tentang faktor-faktor perpecahan umat Islam antaranya ialah disebabkan idealogi. Merujuk kepada sejarah-sejarah umat Islam yang panjang. Iaitu kemunculan Muktazilah, Murji'ah, Syi'ah dan sebagainya mengikut tafsiran para ulamak. Walau bagaimanapun, apa yang jelas adalah perpecahan.

Perpecahan yang dimaksudkan tadi ialah perselisihan idealogi, yang membawa kepada perperangan. Kita tidak dapat nafikan bahawa awal kemunculan mereka adalah berbeza-beza. Contohnya Syi'ah dan Khawarij muncul disebabkan isu politik. Muktazilah dan Murji'ah pula muncul sebab terkesan dengan idealogi Yunani. Walau bagaimanapun, ini cuma satu gambaran perpecahan zaman tersebut. Hari ini idealogi itu berkembang. Menggambarkan betapa berseliratnya perpecahan itu.

Berpecah-belah adalah satu perbuatan yang dimurkai oleh Allah SWT dan Dia tidak redha kepada sesiapa yang melakukan perbuatan itu. Asal usul perpecahan umat Islam berlaku di zaman Saidina Usman RA bersumber dan berpunca daripada perihal pemerintahan. Perpecahan umat Islam berdasarkan aqidah menyusuli setelah perpecahan perihal pemerintahan berlaku. Apabila telah berpecah maka bermacam-macam perkara mengenai agama timbul. Kerana apa? Kerana, masing-masing mengaku bahawa mereka lahir yang benar, mereka lahir puak yang menegakkan kebenaran.

Satu perpecahan ke satu perpecahan yang lain, menjadikan perpecahan umat Islam lebih besar dan lebih kronik sehingga tidak mungkin dipersatukan kembali. Ini kerana, Nabi SAW juga ada bersabda bahawa umatnya akan berpecah kepada 73 golongan, hanya satu saja yang masuk syurga dan lain ke neraka.

Bagaimana nak mengatasi masalah perpecahan dan pada pihak mana semestinya kita berada?

Untuk menjawab persoalan ini, mari kita berfikir kerana berfikir itu adalah cahaya kehidupan. Allah SWT telah berfirman bahawa umat Islam adalah umat yang satu. Umat Islam telah bersatu-padu bermula dari Rasulullah SAW, kemudian Saidina Abu Bakar RA, kemudian Saidina Umar RA, seterusnya pada zaman Saidina Usman RA, kemudian Saidina Ali RA dan umat Islam mula berpecah.

Berpecah maksudnya terpisah daripada yang asal. Kita semua tahu bahawa setiap sesuatu itu mesti ada awal atau permulaannya. Permulaan umat Islam bersatu-padu di dalam satu jemaah yang dipimpin oleh Nabi SAW. Sebagai manusia yang dilantik oleh Allah SWT menjadi pemimpin umat Islam. Hanya sanya, manusia berjanji setia (*Bai'ah*) kepada Nabi SAW untuk bersama-sama berada dalam jemaah Nabi bagi memperkuatkan misi dakwah kepada

manusia. Apabila umat Islam di dalam jemaah menjadi besar dan lebih besar maka terbentuklah apa yang dinamakan sebuah pemerintahan.

Allah SWT berfirman dalam surah Ali Imran, Ayat 103 :

وَاعْصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعاً وَلَا تَفَرَّقُوا

"Berpeganglah kamu sekalian kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu berpecah-belah..."

Tali Allah ini membawa maksud segala yang difirmankan oleh Allah SWT dan segala yang disabdakan oleh Nabi SAW yang telah disepakati oleh para imam hadis akan kesahihannya. Manakala berpecah-belah pula membawa maksud keluar daripada jemaah awal yang mempunyai autoriti ke atas umat Islam. Jadi, berpecah-belah ini sebenarnya berpunca daripada yang satu atau yang terawal.

Setelah Saidina Ali RA wafat, jemaah Islam ketika itu berautoritikan kepada Imam Hassan RA di atas *bai'ah* kaum muslimin yang berpihak kepada ayahnya Saidina Ali KR.W. Sejarah telah tercatat bahawa Imam Hassan RA menyerahkan autoriti itu kepada Saidina Muawiyah dengan harapan kaum muslimin kembali berdamai dan tidak bermusuhan-musuhan antara satu dengan yang lain dan hanya berpaksikan kepada satu penguasa atau ulil amri atau pemerintah.

Dengan itu, para ulamak berpendapat bahawa Saidina Muawiyah adalah pemerintah yang wajib ditaati berdasarkan penyerahan autoriti itu kepadanya. Bermula dari sinilah sistem pemerintahan Islam bertukar corak daripada *musyawarah*, memilih pemerintah kepada penurunan kuasa atau autoriti kepada anaknya seperti sistem beraja dan sememangnya itu adalah sistem beraja. Walau bagaimanapun, umat Islam wajib taat kepada pemerintah kerana pemerintah itu diadakan bertujuan menjaga, menyelenggara dan melindungi hal ehwal umat Islam atau rakyatnya.

Umat Islam yang berpegang kepada al-Quran dan sabdaan Nabi SAW, mereka inilah yang mentaati pemerintah tetapi disebabkan umat Islam mempunyai bermacam-macam pemikiran serta fahaman, penyatuan fikrah ini tidak mungkin berlaku. Perpecahan demi perpecahan berlaku sehingga kepada perpecahan dan pemisahan wilayah jajahan. Walau apa pun senarionya, umat Islam yang menjadi penduduk sesebuah pemerintahan wajib juga taat kepada pemerintahnya kerana tujuan asalnya pemerintahan Islam iaitu menjaga, menyelenggara dan melindungi hal ehwal umat Islam atau rakyatnya.

Pada masa ini, kita semua boleh melihat, berapa bilangan pemerintahan Islam dengan jajahannya yang wujud di muka bumi ini, termasuklah negara kita Malaysia. Tetapi, sehingga sekarang umat Islam tetap juga berpecah-belah, gara-gara tidak berpuas hati dengan pemerintah sehingga terjadi perpecahan yang menyebabkan negara menjadi porak-peranda. Inilah akibatnya apabila umat Islam tidak taat kepada Allah dan RasulNya. Ternyata umat Islam gagal memahami tujuan, kenapa Allah dan RasulNya memerintahkan agar mentaati penguasa di kalangan mereka. Jadi, penyelesaian kepada perpecahan adalah taat Allah dan Rasul-Nya dan *ulul amri* di kalangan kita.



Setiap hujung minggu selepas solat Maghrib, seorang pemuda duduk di sudut kanan di bahagian belakang masjid. Setiap kali itulah, seorang imam tua duduk di kerusi berdekatan mimbar menyampaikan kuliah.

"*Kaifa halukum, ya akhi,*" pemula bicara imam tua selepas ucapan salam dan bacaan doa serta selawat. Tiada sahutan yang bersambut namun imam tua mengukir senyuman dan memulakan kuliah.

Di dalam masjid, jemaah yang mendengar kuliah semakin surut. Semasa solat Maghrib sebelum itu, bilangan jemaah melebihi bilangan lampu kalimantang yang hidup menyalा di dalam masjid.

Ketika memperbaharui wuduk, pemuda itu mendengar perbualan sebahagian jemaah yang mahu beransur pulang sejurus doa selepas solat habis dibaca. Kata mereka, penyampaian imam tua itu tidak berupaya menarik perhatian dan minat mereka. Mereka lekas bosan dan cepat terlelap.

Ada sebilangan jemaah pula secara sinis menyelar imam tua yang dikatakan tidak berupaya membimbang anak perempuannya yang bercerai sebanyak dua kali. Malah ada yang mencelah sambil berkata, "Ada hati pula mahu mengajar orang lain."

Disebabkan faktor-faktor itu, mereka bergegas meninggalkan masjid seusai doa selepas solat Maghrib. Pemuda itu hanya tersenyum.

Sambil berjalan perlahan, pemuda itu teringat tentang kisah Nabi Nuh AS yang tidak mampu menyelamatkan akidah isteri dan anaknya sendiri walaupun baginda berdakwah selama ratusan tahun. Juga tentang kisah Abu Lahab yang lantang menentang dakwah anak saudaranya sendiri iaitu Rasulullah SAW.

Hati pemuda itu tenang apabila kisah para rasul yang disampaikan imam tua itu kembali dikenang. Manusia diseru untuk menyampaikan pesanan kebaikan namun tiada kuasa untuk mengubah hati manusia yang diseru.

Deruman motor sayup-sayup kedengaran meninggalkan masjid yang sudah berusia. Bunyi katak menguak bersahutan umpama memanggil supaya mereka kembali namun siapalah yang dapat memahami bahasa haiwan. Manakala di dalam masjid pula, dengungan kipas siling sesekali mengganti sunyi apabila imam tua mengambil nafas.

Pemuda itu kembali menempati tempat duduk asalnya di belakang. Pada malam itu, bilangan jemaah yang mendengar bicara imam tua boleh dibilang dengan jari pada sebelah tangan. Sesi kuliah itu satu-satunya program majlis ilmu



VS

Mata Lalat

Muctar Hashim,
Penulis

mingguan di masjid yang hanya mempunyai satu tabung bersaiz sederhana besar.

Pemuda itu tekun mendengar pesanan agama yang diselang-seli dengan kisah para rasul dan sahabat. Perlahan nada yang keluar daripada mulut imam tua. Sesekali bunyi batukan dan hirupan air mengisi situasi di sebelah mimbar.

Jari tengah pemuda ligat menyentuh paparan pada telefon bimbitnya. Dalam keadaan antara sedar dan tidak, sudah lima halaman *Microsoft Words* yang terisi dengan tinta digital selepas 3 bulan dia istiqamah duduk di tempat yang sama dan menghadap guru yang sama saban minggu.

Seorang jemaah lain yang duduk bersila berhampiran kerap menjeling tindak-tanduk pemuda itu yang tidak lekang dengan telefon bimbit di tangan. Pemuda itu membala dengan senyuman. Kemudiannya, dia terus tenggelam dengan deria pendengaran dan berusaha menangkap butir-butir kata imam tua sebelum deria sentuhan mengambil tindakan.

Tangan pemuda itu terus mencatat nota di telefon dan melawan mata yang berat mahu tertutup. Baginya, banyak ilmu baru dipelajari daripada imam tua membuatkan dia makin bersemangat. Semakin banyak kuliah yang diikutinya, semakin banyak ilmu yang dia rasa masih tidak tahu.

Adakalanya pemuda itu menyemak semula catatan nota yang lalu. Dia mengesan sebahagian isi kuliah yang sama diulang-ulang setiap minggu. Namun, dia segera menyedari imam tua mengupasnya dengan senario dan contoh berbeza.

'Imam tua memang tinggi ilmunya,' getus hati pemuda itu. Dalam kepalanya, sudah terakam tiga isi penting kuliah yang mahu dipanjangkan kepada isteri dan anak-anak di rumah. Semuanya diekstrak daripada nota catatannya malam itu.

Imam tua membawa satu perumpamaan antara lebah dan lalat pada penghujung kuliah. Tentang bagaimana kedua-dua serangga itu melihat dengan mata masing-masing yang dikurniakan oleh Allah. Satu makhluk fokus mencari bunga dan menikmati nektar untuk menghasilkan madu. Yang satu lagi matanya dibutakan keindahan bunga dan tidak mampu menilai kenikmatan madu.

Pemuda mencatatkan kesimpulan tersebut dan menoktahkan nota pada telefon bimbitnya.



MUQADDIMAH

Masyarakat terdiri daripada kepelbagaian. Kepelbagaian etnik adalah fitrah yang dijadikan oleh Allah SWT, sebagaimana dalam nas Al-quran:

“Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan wanita, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berkabilah semoga kamu saling kenal-mengenali”.

Kepelbagaian etnik dan agama ini mewujudkan perbezaan ketara. Perbezaan ketara ini perlu disantuni dengan beberapa prinsip agar keamanan dan keharmonian hidup dapat dinikmati. Berikut adalah beberapa prinsip sebagai panduan untuk fiqh ta’ayush yang harmoni.

KEMULIAAN INSAN

Setiap insan tanpa mengira agama dan etnik adalah mulia. Kemuliaan ini sabit dalam al-Quran:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ
وَرَزَقْنَاهُم مِّنَ الْطَّيِّبِاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ
خَلْقِنَا تَفْضِيلًا

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak Adam”.
(Surah Al-Isra 17: 70).

Justeru itu, setiap insan wajib dihormati atas sifat keinsanan atau kemanusiaan. Tua muda, muslim dan *non muslim*, Melayu atau Cina atau Iban semuanya dihormati. Ini kerana asas utama kita adalah sebagai insan.

PERCAKAPAN YANG BAIK

Dalam berinteraksi, perkataan yang digunakan hendaklah perkataan yang baik. Cara perkataan atau ucapan diungkapkan juga hendaklah dalam keadaan yang baik. Al-quran menyuruh agar bercakap baik dengan manusia tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan sebagainya. Percakapan yang baik merangkumi bahasa yang sopan, mimik muka yang manis dan menghormati budaya yang berbeza. Nas Al-quran menyatakan yang wajar dijadikan satu prinsip penting:

... وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا ...

“...Dan bercakaplah kepada manusia dengan percakapan yang baik...”.

(Surah Al-Baqarah 2: 83).

Dalam nas Al-quran ini, perintah berkata baik kepada manusia yang lain. Manusia adalah manusia walaupun berbeza agama,



Dr. Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir
Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

etnik dan sebagainya. Dalam satu peristiwa, Nabi SAW diminta agar berdoa bagi kemasuhan dan keburukan terhadap golongan kafir musyrik. Nabi SAW menjawab¹:

إِنِّي لَمْ أُبَعِّثْ لَعَانًا ، وَإِنَّمَا بُعِثْتُ رَحْمَةً

“Sesungguhnya saya diutuskan bukan sebagai pelaknat, dan sebaliknya saya dibangkitkan sebagai rahmat”.

(H.R. Muslim).

BERBUAT BAIK ATAS DASAR KEMANUSIAAN

Islam tidak melarang untuk berbuat baik terhadap golongan bukan muslim, bahkan Islam menyuruh agar umatnya melakukan kebaikan terhadap semua orang. Nas al-Quran menyatakan:

¹ Muslim ibn al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, juz. 16, hal. 115, kitab al-Birr, no hadis 2599.



MENGHORMATI PERBEZAAN AGAMA

Setiap agama berbeza dasar agamanya. Islam adalah agama yang tegak atas asas tauhid iaitu keesaan Tuhan manakala agama-agama yang lain biasanya tegak atas asas banyak Tuhan. Maka asas agama yang berbeza ini biasnya mewujudkan keyakinan dalam diri setiap individu bahawa agama anutan adalah benar manakala agama yang lain adalah batil. Keyakinan ini adalah hak setiap insan. Walau bagaimanapun, keyakinan ini tidak seharusnya membawa kepada sikap tidak menghormati perbezaan agama. Ini kerana Islam mengiktiraf hak beragama walaupun Islam mengakui bahawa hanya Islam sahaja sebagai agama yang benar. Nas al-Quran menyatakan:

“Sesungguhnya agama yang direhui di sisi Allah adalah Islam”.

“Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku”.

Toleransi juga mengajar agar kita tidak mengutuk dan menghina mana-mana agama. Nas al-Quran menyatakan:

وَلَا تَسْبِبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبِبُوا اللَّهَ عَدُوًا
بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّنَاهُ لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَى رَحْمَهِ
مَرْجِعُهُمْ فَيُبَيَّنُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

“Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan mereka kembali mereka, lalu Dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan”.

(Surah al-An'am 6:108).

ADIL

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Adil juga adalah lawan kepada zalim. Jika berbuat zalim, maka adil tidak wujud.

Antara maksud adil dalam konteks hidup masyarakat ialah memberikan setiap sesuatu berdasarkan kebenaran. Adalah tidak dibenarkan untuk membezakan hanya kerana perbezaan agama antara golongan masyarakat. Adalah tidak harus menghukum salah sesuatu pihak yang tidak bersalah kerana faktor kebencian kepada mereka. Firman Allah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوَامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَى أَلَا تَعْدِلُوا إِعْدِلُوا

PANDUAN KITA APABILA BERBEZA

لَا يَنْهِكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ
يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

“Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil”.

(Surah Al-Mumtahanah 60:8).

Dalam ayat ini, dua lafaz digunakan. Lafaz tersebut ialah berbuat baik (تابروا) dan berlaku adil (تقسطوا). Lafaz berbuat baik dalam ayat ini adalah antara kemuncak dalam kebaikan.

هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ
عَمَّا تَعْمَلُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa, dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

(Surah al-Maidah 5:8).

TEGAS DALAM PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG

Seorang wanita telah mencuri. Arab Quraisy berusaha menyelamatkan wanita dari dihukum. Maka mereka meminta Usamah Ibnu Zaid bercakap kepada Nabi SAW. Maka sabda Nabi SAW:

يَا أُسَامَةَ اتَّشْفَعْ فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ... إِنَّمَا هَلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرِقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ تَرْكُوهُ وَإِذَا سَرِقَ فِيهِمُ الْضَّعِيفُ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ، وَأَيْمُ اللَّهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا

“Wahai Usamah! Adakah kamu meminta syafaat pada satu hukuman had dari hudud Allah... Sesungguhnya rosak golongan sebelum kamu kerana apabila orang mulia mencuri maka mereka meninggalkannya (tanpa hukuman), dan apabila orang lemah mencuri maka mereka melaksanakan hukuman ke atasnya. Demi Allah! jika Fatimah Binti Muhammad mencuri nescaya saya akan potong tangannya”.

(Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab Al-Hudud, no hadis 4373).

Hadis ini memberi isyarat jelas bahawa syariah Islam amat menjaga peraturan dan hukum. Perlanggaran terhadap ketetapan hukum yang mempunyai hukuman hendaklah dihukum. Ia adalah sikap ketegasan dalam perlaksanaan undang-undang. Dengan ketegasan tanpa mengira kaum, keharmonian akan wujud kerana ketegasan dan keadilan. Dasar syariah Islam ini sesuai dengan dua prinsip Rukun Negara iaitu Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang.

Ketegasan dalam perlaksanaan undang-undang menjadikan rakyat pelbagai kaum menghormati pihak berkuasa dan kerajaan. Ini adalah baik kepada keamanan dan keharmonian.

BERPEGANG TEGUH DENGAN JATI DIRI NEGARA

Setiap negara mempunyai jati diri yang tersendiri. Negara China mempunyai jati dirinya dalam aspek bahasa rasmi sebagai contoh. Begitu juga dengan negara Malaysia. Kebebasan bahasa adalah dijamin namun setiap individu wajib menghormati jati diri negara dengan mendaulatkan bahasa kebangsaan. Kebebasan beragama adalah dijamin namun pada masa yang sama menghormati Islam sebagai agama Persekutuan.

KESIMPULAN

Ini adalah sebahagian daripada asas-asas penting dalam Fiqh Ta’ayush iaitu kehidupan yang harmoni pelbagai etnik dan kaum di Malaysia.



PENGAJARAN DARI PALESTIN



Dr. Lokman Bin Ab. Rahman

Henry Kissinger pernah membuat kenyataan secara terbuka dalam tempoh 10 tahun akan tiada lagi negara Israel dengan berkata: *"In 10 years, there will be no more Israel."* Kissinger yang adalah bekas Ketua Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) menyatakan sedemikian sewaktu ditemu bual wartawan Cindy Adams dan diterbitkan dalam akhbar The New York Post pada 2012.

Sehingga kini negara haram itu masih wujud dengan dipenuhi sifat keangkuhan yang berterusan membunuh dan menjarah sesuka hati mereka. Kenyataan Kissinger sebagai seorang berketurunan Yahudi dengan pengalaman yang luas dalam pentadbiran dan diplomatik di bawah kerajaan AS serta latar belakang akademik cemerlang, sudah pasti bukanlah sekadar omongan kosong.

Seakan-akan menjadi satu tradisi pada setiap tahun pada hari-hari akhir Ramadan dan menjelang Syawal, tentera Zionis akan membuat provokasi sehingga mencetuskan keganasan terhadap jemaah di Masjid al-Aqsa di Baitulmaqdis. Kekejaman dan pembunuhan sentiasa berlaku tanpa henti. Perbezaannya adalah serangan berskala besar atau kecil sahaja. Serangan pada 2021 adalah yang paling teruk disifatkan dalam sejarah Palestin jika dibandingkan dengan beberapa serangan lampau kerana ia melibatkan angka korban nyawa seramai 220 orang termasuk 60 kanak-kanak.

Hakikatnya hati umat Islam sudah lama terluka apabila usaha Zionis untuk mencemar dan meroboh kota al-Quds berlaku sejak sekian lama. Mereka menggali dan mengorek terowong kononnya mencari tinggalan Haikal Sulaiman sejak ribuan tahun lampau sebagai bukti yang dikaitkan dengan sejarah Yahudi.

Badan penyiaran terbesar di dunia, BBC pernah menyuarakan keraguan tindakan Zionis kerana tidak ada bukti penemuan arkeologi dan mereka hanya bergantung semata-mata kepada andaian tafsiran Bible. Tidak wujud sebarang rekod dan fakta. Sebaliknya mereka hanya menemui kesan peninggalan sejarah Islam di situ.

Tindakan yang bebal dan biadab ini adalah usaha untuk memusnahkan peninggalan kota suci ketiga umat Islam, selepas Masjidil Haram dan Masjid Nabawi. Malah mereka tidak pernah mempedulikan peninggalan warisan dunia ini yang telah pun berada di bawah perlindungan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) dan diwartakan berada dalam keadaan terancam.

Jelas terbukti sikap pembohong dan penipu Yahudi Zionis serta tujuan mendirikan negara di Palestin ini sebenarnya bukanlah tuntutan kitab mereka. Malah, Theodor Herzl, presiden pertama Zionis iaitu seorang sekular yang dipilih melalui Kongres Zionis pertama pada 1897 sebelum meninggal dunia pada 1904, berkata: *"Greet Palestine for me. I gave my heart's blood for my people."* Tidak ramai yang mengetahui pada 1891, Madyan dan Argentina adalah antara negara yang dicadangkan sebagai negara Yahudi selain Sahl al-Biqqa di Syria, Uganda, Cyprus dan Libya. Legenda Uthmaniyyah, Sultan Abdul Hamid, sebagai pemerintah Daulah Uthmaniyyah dengan tegas menolak segala konspirasi Zionis. Malahan baginda enggan memberi keizinan kepada pelarian Yahudi untuk menetap dan membeli tanah di wilayah Islam di bawah jajahan Uthmaniyyah untuk mengelak daripada berlaku perpindahan beramai-ramai puak ini setelah dihalau dari segenap tempat.

Peluang keemasan terbuka bagi Gerakan Yahudi Zionis setelah baginda disingkirkan. Dalam tempoh setahun di antara 1908-1909 dianggarkan 50,000 pendatang Yahudi masuk dan menceroboh tanah penduduk Palestin. Melalui Deklarasi Balfour 1917 pula, Britain membenarkan kemasukan orang Yahudi beramai-ramai sebagai asas penjajahan. Bahkan situasi terkini mereka begitu berani menceroboh sehingga memasuki kawasan kejiranannya Syeikh al-Jarrah dan menghalau rakyat di situ.

Kemampuan dan keberanian ketumbukan tentera Al-Qasam membedil Israel menyebabkan perdamaian diusulkan selepas berlaku kemusnahan di bandar Israel. Media hanya dibenarkan untuk menyiarkan beberapa tempat sahaja yang musnah, tetapi keadaan sebenarnya tidak didedahkan demi menjaga ego dan psikologi rakyat Israel.

Dilihat kuat secara fizikal dengan kecanggihan senjata mereka dan bantuan kuasa besar dunia, namun rupa-rupanya mental puak Zionis sangat lemah dan takut kepada maklumat yang benar. Perang ini berlaku dalam jarak jauh dan Israel cuba mengelak daripada berlaku pertempuran darat secara terbuka. Ini menunjukkan betapa lemahnya semangat juang dan daya ketahanan mereka.

Sebagai seorang Yahudi, kenyataan Kissinger mengenai kehilangan negara Israel mungkin kerana dia sangat memahami denyut nadi jiwa bangsanya yang pengecut walaupun dilengkapi senjata dan didokong oleh kuasa besar dunia. Doktrin Zionis sendiri adalah falsafah penubuhan negara Israel semata-semata untuk mengumpulkan bangsa Yahudi di seluruh dunia yang dipelopori oleh Theodor Herzl iaitu seorang wartawan Yahudi dari Austria.

Adakah kehadiran mereka untuk mendiami bumi Palestin ini ibarat menggali kubur sendiri? Satu hadis Nabi SAW menyatakan: "Sebelum kiamat terjadi kamu akan memerangi orang Yahudi, sampai sebuah batu tempat orang Yahudi bersembunyi di sebaliknya berkata: "Hai orang Islam! Inilah orang Yahudi di sebalikku! Bunuhlah dia!" **Riwayat Bukhari dan Muslim**

Mutakhir ini, Zionis Israel kelihatan lebih berani dan ganas apabila beberapa negara Arab mengiktiraf kewujudan mereka. Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Sudan dan Maghribi dilihat memberi pengiktirafan kepada Israel. Ini semua memberi kekuatan baharu secara tidak langsung untuk mereka terus menjarah penduduk Palestin semahunnya. Malaysia tidak membuat sebarang hubungan diplomatik dan tidak pernah





mengiktiraf kewujudan negara haram Israel. Serumpun di bawah negara yang sama bahasa dan majoriti agama penduduknya - Malaysia, Indonesia dan Brunei sepakat mengutuk kerakusan tentera Yahudi membunuh wanita, kanak-kanak serta orang tua.

Atas dasar simpati ini banyak badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia menggerakkan projek pengumpulan dana di samping program kesedaran secara maya. Antara pengajaran yang perlu diinsafi bersama adalah:

Pertama, tanah air tidak boleh diberikan hak milik kepada warga asing kerana ia melibatkan kedaulatan negara.

Kedua, hak kerakyatan tidak boleh dibuka sewenang-wenangnya sehingga menggugat hak keistimewaan penduduk Bumiputera.

Ketiga, kesedaran politik negara hendaklah menghalang penjualan tanah kepada warga asing atas alasan faktor ekonomi dan komersial sekalipun ditawarkan dengan harga yang tinggi kerana akhirnya rakyat akan menjadi pengemis di negara sendiri.

Keempat, demokrasi tidak boleh disalahgunakan sehingga membuka peluang kepada misi Zionis dan komunis untuk menjadi agenda parti politik dan mengetepikan kedaulatan

raja, keluhuran perlembagaan dan keistimewaan bangsa utama negara.

Kelima, mempertahankan kesetiaan kepada raja sebagai benteng terakhir negara dan rakyat bernaung di bawah baginda seperti yang pernah dilakukan oleh Sultan Abdul Hamid terhadap ancaman Yahudi.

Keenam, Malaysia berpengalaman mengetuai Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) boleh mendesak negara anggota untuk menyekat penjualan minyak kepada Israel bagi menghentikan keganasan dan menggesa negara Islam bersatu menentang Israel. Inilah antara yang dibimbangi Kissenger.

Terakhirnya, demokrasi bukanlah hak kebebasan mutlak berpolitik dengan perkiraan sokongan ahli dan jumlah kerusi sebagai jalan merebut kuasa pemerintahan sehingga mengorbankan rakyat serta negara. Perbezaan dan perdebatan politik hendaklah tidak menjadi modal perpecahan dalam kepemimpinan negara sehingga memberi laluan kepada kuasa asing. Kepemimpinan politik bermaruah ialah menawarkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan membimbing rakyat mempertahankan identiti bangsa, agama serta hak kedaulatan negara. Wallahu'lam



“UKHUWAH ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH”

(30 September 2016 / 28 Zulhijjah 1437)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

﴿وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۖ وَلَا يَرَى الْوَنَ مُخْتَلِفِينَ ﴾ ۱۱۸
خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لِأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ۱۱۹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ حَازَ عَلَى أُصُولِ الشَّرَفِ وَمَرَاتِبِ الْفَخْرِ، صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ وَبَارَكَ
عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ، وَأَصْحَابِهِ الْأَنْجُومِ الزُّهْرِ وَالْتَّابِعِينَ مَا تَعَاقَبَ
اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَمَا نَزَّلَ الْقَطْرُ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاِيَ
بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan menyeru kepada sidang jemaah yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada di dalam rahmat serta mendapat perlindungan Allah SWT demi mencari keredaan-Nya di dunia mahu pun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “UKHUWAH ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Setiap tahun menjelang sambutan Maal Hijrah, kita sering mendengar tema khusus yang jika dibaca dan diteliti, tersirat satu mesej besar iaitu kepentingan masyarakat di negara ini agar hidup bersatu-padu, saling menghormati serta saling membantu antara satu sama lain. Sememangnya, kita tidak dapat manafikan bahawa akar persaudaraan yang kukuh dalam kalangan masyarakat Islam, mampu menjana kejayaan dan kecemerlangan kepada kesejahteraan negara. Oleh yang demikian, persaudaraan atas tali Islam adalah elemen yang sangat penting dalam menyatukan ummah bagi memastikan keharmonian, kemerdekaan dan kedaulatan negara terus kekal.

Persoalannya, bagaimakah kita dapat mengukuhkan ikatan persaudaraan ini? Ya, agama Islam telah meletakkan dasar-dasar praktis dan cara yang positif dalam usaha memperkuatkan ikatan kasih sayang dan memperdalamkan roh ukhuwah ini. Jika umat

Islam berpegang teguh, nescaya persaudaraan itu akan semakin mengukuh umpama dalam satu binaan yang saling menguatkan antara satu sama lain secara harmoni dan mesra, walaupun dirintangi pelbagai cabaran yang cuba menggagalkan usaha kemajuan serta membangkitkan isu-isu perpecahan di antara masyarakat Islam. Hal ini telah dirakamkan melalui firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat Ayat 10:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوْهُ فَأَصْلِحُو بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ﴾

Maksudnya: “Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sekalipun semua prinsip dan nilai Islam kekal dan jelas malah dipercayai cukup sempurna, tetapi kita mestilah menyedari bahawa kita tidak boleh mengembalikan kedudukan dan kekuatan untuk membina dan membangunkan tamadun agama, bangsa dan negara seandainya perpecahan dan fitnah masih lagi berleluasa. Allah SWT telah mengingatkan kita di dalam ayat 46 Surah al-Anfal:

﴿وَأَطِيعُو اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُو أَفْئَشُلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُو أَإِنَّ اللَّهَ مَعَ﴾

الصَّابِرِينَ

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang yang sabar”.

Sesungguhnya perkara yang paling penting untuk ditumpukan ialah mengamalkan manhaj atau pendekatan yang seimbang (*wasatiyah*) kerana agama Islam adalah agama yang berdasarkan keseimbangan dan toleransi. Maka reformasi tidak boleh dicapai jika ada kebencian, hasad dengki dan permusuhan. Ada pun sifat kasih sayang, akhlak yang baik, bertoleransi dan bersangka baik itu adalah jaminan selepas keimanan kepada Allah SWT dalam melahirkan umat yang baik dan masyarakat yang stabil serta negara yang aman makmur.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ketahuilah, bahawa perselisihan antara umat manusia itu merupakan *sunnatullah*. Namun, *uslub* perbincangan yang dilakukan secara hikmah, lembut, bersangka baik dan mesra adalah amat dituntut bagi mendapatkan kata sepakat dan keberkatan. Setiap umat Islam wajib mengetahui bahawa mengukuhkan tali persaudaraan itu adalah **jihad** yang membawa penyatuan, bukannya perpecahan. Dengan itu, dapatlah kita mengalahkan segala musuh terutamanya musuh yang ada dalam diri kita iaitu nafsu dan godaan syaitan. Selain itu, kita juga hendaklah menjauhkan diri dari jalan-jalan yang boleh membawa kepada ekstremis, taksub, berpecah-belah, tidak berakhlik dan seumpamanya. Ini bertepatan dengan sabda Nabi SAW iaitu:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ: لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ وَلِكُنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ وَإِذَا اسْتَنْفَرْتُمْ فَاقْرُرُوا

Maftumnya: “Daripada Ibnu ‘Abbas RHMA bahawa Nabi SAW bersabda pada hari pembukaan Kota Mekah: ‘Tiada lagi hijrah selepas pembukaan Kota Mekah, tetapi (yang tinggal hanyalah) jihad dan niat. Oleh itu, jika kamu diminta keluar berjihad, maka keluarlah!’. (HR al-Bukhari)

Tuntasnya, hijrah banyak mengajar kita makna perpaduan. Lihat sahaja bagaimana kejayaan Rasulullah SAW dalam menyatukan Aus dan Khazraj yang saling bermusuhan atas nama persaudaraan dan demi kasih sayang kepada Allah SWT. Oleh itu, Islam milarang keras sebarang bentuk penindasan, kezaliman, kekejaman atau permusuhan dilakukan kerana Islam adalah agama yang membawa rahmat ke seluruh alam.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Jika dilihat dari sudut era globalisasi, hijrah itu merangkumi perubahan dan penghijrahan dari pelbagai aspek iaitu dari sudut fizikal, minda, sikap, hati, selain persekitaran dan sebagainya. Perubahan ini mampu mengubah keadaan hidup sama ada dari segi ekonomi, sosial, pendidikan dan taraf hidup. Kini, negara kita telah mengalami banyak perubahan dan pencapaian dari satu peringkat kepada peringkat yang lain yang lebih baik dan cemerlang. Yang pasti, ia memberikan lebih banyak keberkatan dan kesejahteraan serta dapat pula dimanfaatkan bagi kepentingan hidup di dunia ini dan bekalan di akhirat nanti.

Disedari atau pun tidak, umat Islam yang terdiri daripada dua golongan yang saling kuat-menguatkan antara satu sama lain ibarat golongan Ansar (penolong) dan Muhajirin (yang dibantu), tumbuh menjadi sebuah masyarakat Islam yang dinamakan *ummah Islamiah* yang semakin kukuh dan mampu mempertahankan diri sekiranya mereka dapat menamatkan sebarang permusuhan melalui agenda persaudaraan atas semangat *Ukhuwah Islamiah*.

Oleh itu, mimbar menyeru sidang jemaah sekalian, marilah kita kembali kepada ajaran Islam yang sebenar agar kesatuan kita semakin rapat dan kuat sehingga musuh tidak lagi berani memperkorak-katikkan kita sesuka hati. Hijrah berjaya menukar insan yang tertindas kepada yang bebas, insan yang dihina kepada yang mulia, dan insan yang lemah bertukar menjadi kuat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sempena dengan sambutan **Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah** pada 2 Oktober 2016 di Taman Ekspo Agropertanian Malaysia Serdang (MAEPS), mimbar ingin mengajak sidang jemaah sekalian, marilah kita terus memperkasakan tali persaudaraan sesama kita mendokongi usaha kerajaan dalam mengekalkan perpaduan, hidup rukun dan harmoni serta penuh *mahabbah* yang menjadi transformasi kepada kemakmuran negara sebagai bukti solidariti ummah di negara ini dalam mempromosi keamanan tanpa mengira fahaman politik.

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

- Pertama** : Hijrah adalah simbolik tersemanyata semangat persaudaraan Islam (*ukhuwah Islamiah*) yang ditanam dalam diri umat Islam sehingga dapat menyelesaikan sebarang perbalahan sesama sendiri.
- Kedua** : Hijrah menyuntik kejayaan hidup bersatu padu dengan membentuk suatu pegangan yang kuat sehingga dapat menyelesaikan segala masalah berpaksikan akidah Islamiah.
- Ketiga** : Memperkasakan Islam melalui lapangan jihad ilmu, ekonomi dan pembangunan umat adalah contoh yang sangat praktikal bagi melunaskan semangat hijrah dalam makna yang lebih meluas.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ ﴿وَمَن يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاغِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَن يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang berhijrah di jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Surah an-Nisa’: 100)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Kasih Sayang Bermula Di Masjid



Dr. Khairul Anwar Mustaffa
UiTM

PENDAHULUAN

Masjid adalah simbol kedamaian dan lambang perpaduan ummah. Peranan masjid dalam membentuk kesatuan ummah telah dibuktikan semenjak zaman Rasulullah SAW. Ini dapat dilihat melalui usaha pembinaan dan pembentukan masyarakat Islam pada zaman Rasulullah SAW melalui peranan dan fungsi masjid.

Kini, zaman pasca pandemik Covid-19 memperlihatkan institusi masjid berdepan dengan cabaran besar untuk mengukuhkan peranan membangunkan fungsi masjid membentuk kesatuan ummah. Sudah tentu pandangan negatif dan rasa “phobia” terhadap masjid masih wujud, namun sehingga kini institusi masjid telah membuktikan bahawa masjid adalah zon selamat daripada sebarang bentuk ancaman termasuklah Covid-19.

Bagi menjadikan masjid berfungsi dengan sebaiknya, sudah tentu mereka yang diamanah mengurus masjid dapat berperanan dengan lebih berkesan melalui amalan berkasih sayang sesama muslim bagi mengukuh peranan dan fungsi masjid. Lantaran itu, agenda *hablun minnalah* dan *hablun minannas* yang merupakan agenda masjid wajar diperkasakan. Ini dapat dilihat melalui aspek *ubudiyah*, *amaliyah*, *tarbiyyah ruhiyyah* dan *tadhhiyyah* (pengorbanan) yang menjadi elemen penting dalam membentuk kasih sayang pembinaan kesatuan ummah.

FALSAFAH MASJID

Sebagai memenuhi konsep masjid sebagai simbol kedamaian dan perpaduan, masjid sebenarnya mempunyai peranan penting dalam usaha mengukuh akidah, ibadah dan akhlak manusia. Hasil daripada aspek pengukuhannya tersebut, akhlak yang murni seperti kasih sayang sesama insan dapat disuburkan.

Ini dapat diperolehi melalui tautan kukuh melalui konsep *hablum minnallah* dan *hablun minannas* yang menjadi agenda penting masjid. Limpahan rahmat Allah kepada masjid terjalin apabila wujudnya dua agenda ini dalam institusi masjid. Secara tidak langsung, ia dapat memenuhi falsafah masjid seperti yang diidamkan.

Malah, jika diteliti dengan jelas, perkataan masjid itu sendiri adalah berasal daripada perkataan *sajada* (ساجدة) yang merujuk kepada tempat sujud. Oleh itu, masjid adalah tempat untuk melakukan dan menyempurnakan perbuatan sujud yang menggambarkan ketaatan seseorang secara total dan menyeluruh kepada perintah Allah SWT.

Oleh itu, bagi mencapai perkara tersebut elemen kasih sayang yang membentuk peranan dan fungsi masjid wajar menjadi agenda penting kepada pihak pengurusan masjid.



ELEMEN KASIH SAYANG MELALUI MASJID

a) *Ubudiyah* (Rasa Perhambaan)

Ubudiyah adalah rasa perhambaan kepada Allah SWT. Masjid berperanan membentuk rasa, *ubudiyah* kepada Allah SWT sama ada melalui ibadah yang khusus seperti solat mahupun amalan seperti iktikaf, zikir, membaca al-Quran dan seumpamanya. Orang yang mempunyai tautan hati dengan masjid dan berusaha mengimarahkannya, sudah tentu diperakui sebagai orang yang beriman kepada Allah SWT. Elemen ini penting untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia. Hakikat inilah yang disebut menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang memeriahkan masjid-masjid Allah hanyalah orang yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat

(Al-Taubah 9: 18).

Dalam kerangka *ubudiyah* juga, hubungan manusia dengan Allah SWT dapat dilaksanakan dengan sempurna. Lantaran itu, Allah SWT menjanjikan keampunan dosa untuk mereka yang mempunyai tautan hati dengan masjid. Rasulullah SAW dalam sebuah hadis pernah bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang pergi ke masjid untuk solat berjemaah, maka pada satu langkah dihapuskan dosa, pada langkah lain dicatatkan pahala, baik semasa pergi atau balik.”

(Riwayat Ahmad, Ibn Majah).

Di samping itu, terdapat sebuah hadis yang menyentuh aspek tautan hati dengan masjid. Tautan atau keterikatan hati dengan masjid itu bukanlah sekadar duduk atau meluangkan masa yang lama di masjid. Maksud keterikatan tersebut adalah kesungguhan untuk menghadiri masjid menunaikan solat berjemaah dan berusaha mengimarahkannya. Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Ada tujuh golongan yang akan dinaungkan Allah dengan naungan-Nya pada hari yang tidak ada naungan selain naungan-Nya (salah satunya) adalah seseorang yang hatinya terpaut pada masjid-masjid” (Riwayat al-Bukhari) Dalam riwayat Malik: “Seseorang yang hatinya terpaut pada masjid sehingga dia kembali ke situ semula.”

Oleh itu, dapatlah diketahui bahawa perasaan cinta dan kasih yang sebenarnya dapat diperolehi apabila seseorang itu mendapat rahmat Allah SWT, hasil *ubuddiyah* yang setulusnya dilaksanakan seorang hamba kepada Tuhannya. Ini dapat direleasisaikan melalui peranan dan fungsi masjid.

B) AMALIAH (PRAKTIKALITI)

Kasih sayang kepada Allah SWT perlu dibuktikan dalam bentuk *amaliah*. Untuk mencapai kasih sayang Allah SWT, seseorang perlu membuktikannya secara praktikal. Ini termasuklah dalam aspek pembinaan masjid dan menyiapkannya pembinaannya. Perkara ini memerlukan amalan infaq atau seumpamanya yang dapat direalisasikan dalam bentuk *amaliah*. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW memberi jaminan ganjaran untuk mereka yang membantu menyiapkan masjid. Ini sebagaimana yang disebut dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesiapa yang membina masjid secara ikhlas kerana Allah SWT, Allah akan membina sebuah rumah untuknya di syurga”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Di samping itu, aspek *amaliah* juga berkait dengan aspek kesempurnaan pelaksanaan ibadat di masjid seperti solat berjemaah. Solat berjemaah digalakkan dilaksanakan di masjid sungguhpun amalan solat berjemaah boleh dilakukan di mananya, namun ganjaran yang khusus disediakan untuk mereka khususnya kaum lelaki untuk didirikannya di masjid. Perkara ini jelas sepertimana yang disebut dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tiada seorang muslim pun yang sentiasa menghadirkan dirinya ke masjid-masjid untuk solat dan zikir melainkan Allah gembira menyambutnya sebagaimana ahli keluarga yang bergembira menyambut saudaranya yang sudah lama menghilang.”

(Riwayat Ibn Majah)

Jika ditinjau dari aspek *amaliah* terdapat banyak hadis yang menyentuh amalan solat berjemaah. Ini termasuklah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari RA berkaitan ganjaran 27 derajat pahala ganjaran berbanding solat sendirian. Bahkan dalam solat jemaah turut menyentuh ganjaran pahala yang dijanjikan umpamanya ketika imam selesai membaca surah *al-fatihah* dalam solat berjemaah, lalu menyebut “*amin*” bersama maknum, lafadz tersebut sekiranya bertepatan dengan “*amin*” malaikat, maka dosa mereka akan diampunkan oleh Allah SWT.

Selain itu, amalan menghadirkan diri ke masjid turut dijamin rezeki oleh Allah SWT. Ini pernah disebut dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Ada tiga golongan semuanya dijamin Allah; ketika hidup dia diberikan rezeki dan kecukupan, apabila mati dia masuk syurga: Sesiapa yang masuk ke rumahnya

dengan memberi salam, maka dia dijamin Allah. Sesiapa yang keluar rumah untuk ke masjid, maka dia dijamin Allah. Sesiapa yang keluar demi untuk berjuang di jalan Allah, maka dia dijamin Allah. (Riwayat Al-Bukhari dalam Adab Al-Mufrad)

Secara umumnya, dapatlah difahami bahawa amalan pengimaran masjid memerlukan penghayatan dari aspek praktikaliti supaya dapat setiap suruhan dan saranan tersebut disempurnakan dengan sebaiknya.

C) TARBIYYAH (PENDIDIKAN RUHIYYAH)

Masjid mampu membentuk kasih sayang melalui elemen *tarbiyah* yang dibentuk melalui pelaksanaan akhlak dan adab. Berdasarkan hadis yang menyentuh tentang adab berkaitan masjid, terdapat hadis yang menyentuh adab masuk dan keluar masjid, adab beriktikaf, adab dalam solat berjemaah dan lain-lain lagi. Ini secara tidak langsung membentuk keperibadian dan sahsiah diri. Dalam sebuah hadis memperkatakan perihal adab masuk ke masjid seperti berikut:

“Apabila kamu masuk masjid, maka ucapkanlah doa seperti berikut (terjemahan): “Ya Allah, ampunilah dosaku dan bukalah kepadaku semua pintu rahmatMu” dan apabila keluar, Baginda berdoa “Wahai Tuhan! Ampunilah dosaku dan bukakanlah semua pintu kurniaanMu”. (Riwayat al-Nasa’i)

Di samping itu, terdapat hadis yang menyuruh supaya tidak tergesa-gesa untuk hadir berjemaah untuk menunaikan ibadat. Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Apabila diqamatkan sembahyang maka janganlah kamu datang kepadanya dengan keadaan berlari-lari (bergopoh-gapah) dan hendaklah kamu datang dengan keadaan berjalan biasa dan hendaklah kamu dalam keadaan tenang. Maka berapa banyak rakaat yang kamu peroleh maka sembahyanglah kamu dan mana-mana rakaat yang kamu luput hendaklah kamu cukupkan bilangan rakaatnya.” (Riwayat Bukhari)

Ini secara tidak langsung membentuk adab untuk mendidik diri berdisiplin dan bijak mengurus masa. Rasulullah SAW turut bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud:


“Sesiapa yang berpergian pada waktu awal pagi atau petang menuju ke masjid, Allah akan menyediakan baginya tempat atau hidangan di dalam syurga setiap kali dia pergi ke masjid pada awal pagi dan petang.”

(Riwayat Ahmad)

sentiasa dijanjikan kepada mereka yang memanfaatkan kegiatan ilmu di masjid sebagaimana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tidak berkumpul suatu kaum di mana-mana rumah Allah, mereka membaca kitab Allah dan mengkajinya sesama mereka, melainkan diturunkan kepada mereka ketenangan, diliputi rahmat dan malaikat meneduhi mereka dan Allah menyebut-nyebut mereka di depan malaikat-malaikat.” (Riwayat Muslim)

Melalui peranan dan fungsi masjid ini jelaslah bahawa modul tarbiyah yang disediakan oleh Rasulullah SAW menjadi asas penting untuk melahirkan insan yang jiwanya tenang dan tenteram. Jiwa yang tenang akan mudah membentuk kasih sayang.



Di samping itu, solat berjemaah mendidik diri untuk menghindarkan daripada perbuatan dan sikap hipokrasi. Ini secara tidak langsung membentuk sikap integriti dan sahsiah diri dan mudah melahirkan jiwa yang lembut dan berkasih sayang. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang solat berjemaah sempat dengan takbir pertama selama 40 hari kerana Allah, dicatatkan untuknya dua pelepasan; pelepasan daripada neraka dan pelepasan daripada sifat munafik.” (Riwayat Al-Tirmizi)

Malah, *tarbiyah* yang dibentuk di masjid turut membentuk rasa tenang dan tenteram dalam diri. Malah, rahmat Allah SWT

D) TADHIYAH (RASA PENGORBANAN)

Masjid menjana rasa *tadhiyah* atau keinginan untuk mujahadah dalam menuaikan suruhan Allah SWT. Kebiasaannya, orang yang sentiasa hadir ke masjid mengorbankan masa dan tenaga untuk menyahut perintah Allah SWT. Amalan ini secara tidak langsung membentuk jiwa yang ingin bermujahadah pada jalan Allah. Hadis Rasulullah SAW ada menyebut tentang aspek tersebut melalui sebuah hadis yang bermaksud:

“Berilah khabar gembira kepada orang yang selalu berjalan kaki dalam kegelapan malam demi menuju ke masjid bahawa untuknya cahaya sempurna pada hari kiamat.” (Riwayat Al-Tirmizi)

Di samping itu, melalui usaha untuk menghadirkan diri ke masjid, Allah SWT menjamin rasa tenang dan tenteram dalam hidup. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Masjid adalah rumah setiap orang bertakwa. Allah telah jamin sesiapa yang menjadikan masjid umpama rumahnya dengan keluasan, kerehatan dan kemudahan melepassi sirat menuju keredaan Tuhan.”

(Riwayat Al-Baihaqi)

Amalan yang dilakukan untuk memastikan diri hadir secara tidak langsung melahirkan manusia yang sanggup berkorban demi menunaikan tuntutan Allah SWT. Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:


“Sentiasa seorang kamu dalam keadaan sembahyang selama menungggunya (sembahyang) dan sentiasa mengucapkan selawat (berdoa) kepada seseorang kamu selama berada di dalam masjid, “Wahai Tuhan! Ampunkanlah oleh-Mu baginya, Wahai Tuhan! Berilah rahmat oleh-Mu kepadanya, selama dia tidak berhadath.” (Riwayat At-Tirmidzi).

Secara tidak langsung dapatlah difahami bahawa perasaan untuk berkorban dan bermujahadah akan melahirkan insan yang mempunyai kualiti pembinaan diri dan sahsiah yang mulia.

LANGKAH-LANGKAH PERLU

a) Pengukuhan Kepimpinan Masjid

Kepimpinan masjid memainkan peranan penting untuk membentuk kedamaian dan perpaduan dalam masyarakat melalui fungsi dan peranan masjid. Oleh itu, masjid haruslah dipimpin oleh



mereka yang mengerti dan memahami falsafah masjid dan mampu menguruskannya dengan berkesan. Kepimpinan masjid harus mempunyai misi dan visi yang jelas untuk menjadikan masjid sebagai tempat mengukuh kualiti umat Islam.

Justeru, bentuk perancangan, pelaksanaan dan penilaian sesuatu program masjid harus dijana dengan teliti bagi mencapai misi dan visi yang ditetapkan. Ini dapat diwujudkan melalui keberkesanan kepimpinan yang melibatkan pengurus, jawatankuasa masjid dan pegawai masjid yang terdiri daripada imam, bilal dan noja yang dilantik dan dipilih.

Sesi percambahan fikiran, libat urus, mesyuarat dan sebagainya harus direncana secara berkesan. Idea dan pandangan harus dibincangkan secara bersama. Ini secara tidak langsung membentuk kemesraan dan kefahaman yang jelas tentang aspek pengurusan masjid dalam memastikan peranan dan fungsi masjid dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sudah tentu peranan dan tugas imam tidak hanya tertumpu dalam memimpin solat semata-mata. Program yang bersifat *outreach* yang melibatkan imam dan kepimpinan masjid harus diadakan secara kerap untuk bertemu masyarakat untuk bertanya khabar, berziarah, beramah mesra dan menyantuni lapisan masyarakat. Program seumpama ini penting bagi membentuk kasih sayang dan jalinan ukhuwah dan persahabatan dengan masyarakat.

Namun, ia memerlukan kepimpinan masjid yang memandang ke hadapan dan aktif merangka strategi bagi mencapai hasrat yang ditetapkan.

b) Pengukuhan Aktiviti Masjid

Sebagai tempat pertemuan, pembinaan dan pengukuhan umat Islam, aktiviti yang diadakan di masjid hendaklah dipelbagaikan. Selain aktiviti pelaksanaan ibadah, aktiviti yang bersifat kemasyarakatan wajar diadakan dengan kerap.

Masjid harus berperanan mengenalpasti ahli masyarakat yang susah untuk dibantu, yang sakit untuk diziarahi dan yang tua untuk disantuni. Oleh itu, membangunkan suatu database yang lengkap adalah suatu keperluan. Malah, melengkapkan suatu profil komuniti amat diperlukan bagi mengaktifkan peranan masjid.

Di samping itu, aktiviti pengukuhan masyarakat tidak harus tertumpu berkaitan pengurusan mayat sahaja, aktiviti masjid wajar dikembangkan kepada semua lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak, dewasa, wanita, OKU dan warga emas. Ini akan mewujudkan suasana kasih sayang masjid.



Dalam usaha membentuk ahli masyarakat yang mampu mengurus hal-hal keduniaan dengan bijak dan berintegriti, aktiviti percambahan ilmu tidak wajar hanya dihadkan kepada bidang agama dalam pengertian yang sempit semata-mata. Bidang kehidupan yang memerlukan panduan dan penyelesaian seperti ekonomi, sosial dan kebudayaan boleh direncanakan dan disesuaikan dengan keperluan ahli masyarakat.

Selain itu, masjid harus memperbanyakkan aktiviti sosial yang tidaklah dihadkan kepada sasaran muslim semata-mata, malah harus dikembangkan kepada ahli masyarakat non-muslim yang tinggal berhampiran masjid. Ini dapat dilakukan dengan memberi sumbangan, hadiah, cenderamata atau sebagainya kepada jiran-jiran masjid sempena perayaan tertentu atau acara tertentu.

Secara tidak langsungnya, masjid berperanan penting dalam membangunkan komuniti dan mampu mewujudkan kemesraan dan kasih-sayang sesama umat Islam dan bukan Islam dalam komuniti.

PENUTUP

Masjid harus berperanan secara aktif untuk membentuk kesatuan ummah. Islam meletakkan masjid sebagai tempat penting untuk mengukuhkan komuniti dan masyarakat setempat. Hubungan masjid dengan masyarakat haruslah diperkuatkan dengan jalinan kasih sayang melalui elemen *ubudiyah, amaliyah, tarbiyah* dan *tadhibiyah* bagi menjadikan masjid tempat penting umat Islam mengukuh dan membentuk tamaduan kemanusiaan unggul.

Oleh itu bagi membangunkan peranan dan fungsi masjid, kepimpinan masjid yang memahami dan mengurus peranan masjid melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksana perlu sentiasa ditambahbaikkan. Sungguhpun sudah banyak yang diperkatakan tentang konsep dan falsafah pengurusan masjid, sudah sampai masanya umat Islam kembali kepada masjid dan membangunkannya dengan semaksima mungkin.

Ini hanya mampu dilakukan jika ada kesedaran, keilmuan dan kemauan untuk membangunkan masjid sebagai salah suatu aset umat Islam yang sedang dipinggirkan. Perubahan harus dilakukan segera daripada peringkat yang diamanahkan memegang kuasa mahupun ahli jemaah biasa.



SIRI
16

BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2022

RM40



Imbas kod QR ini
untuk maklumat lanjut
tentang e-penerbitan JAKIM



Kedai Buku JAKIM

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
03-8870 7445 / 7446

RINGKASAN ABSTRAK BUKU

Kitab Mughni Al-Muhtaj adalah penulisan ilmu fiqh dalam mazhab Imam Asy-Syafie daripada sebuah karya ulamak terkenal iaitu al-Syieikh Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (977H). Kitab Mughni al-Muhtaj ini adalah huraian (syarah) bagi kitab Minhaj al-Thalibin karya Imam Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi (676H).

Kitab Mughni Muhtaj dianggap sebagai himpunan bagi hukum-hukum ibadat dan muamalat. Ia juga dianggap sebagai karya yang istimewa kerana ketelitian ibarat, persembahan gaya penulisan dan susunan yang baik dengan pembawaan dalil tanpa membuat perbandingan antara mazhab yang lain.

Mengandungi:

10 Bab

414Muka Surat

900 Naskhah



Kedai Buku JAKIM

BUKU BAHRU

ENSIKLOPEDIA FIQH ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

- ✓ Islam adalah agama yang syumul dan tidak membezakan penganutnya melalui perbezaan bangsa, jantina, warna kulit ataupun kemampuan dalam menguruskan hidup.
- ✓ Termasuklah orang kelainan upaya.
- ✓ Buku ini merupakan penjelasan berkaitan isu-isu serta permasalahan fiqh berkaitan OKU dalam aspek ibadat, munakahat, muamalat dan jenayah



Kedai Buku Jakim



bukuJakim



Kedai Buku Jakim